

B A B

L I M A

BAB 5

AL-QARD AL-HASAN DALAM MEKANISME MU^cAMALAT PINJAMAN TANPA RIBA

1. TAKRIF AL-QARD AL-HASAN (القرض الحسن)

1.1. Dari Sudut Bahasa:

Al-Qard iaitu al-Qar (القطع) maknanya potongan, al-Qard al-Hasan

ertiinya potongan yang baik. Disebut ke atas pinjaman kerana pinjaman itu merupakan potongan ke atas harta pemiutang yang diberikan kepada peminjam, bagi menolong menyelesaikan masalah kewangan atau keperluannya, sebagai suatu amalan yang baik semata-mata kerana Allah s.w.t.¹

1.2. Dari Sudut Shara^c:

Bagi Madhhab Hanafi:

Al-Qard pada Shara^c ialah sesuatu barang yang diberi oleh pemiutang kepada peminjam daripada harta yang sama nilainya supaya peminjam boleh membayarnya dengan harta yang sama sepertinya.²

¹ Ibn al-Manzūr, Lisan al-^cArab, Beirut: Dar Ṣadir, 1375H/1956M, jld. 9, hlm. 1101; Al-fairūz Ābādī, Al-Qamus al-Muhib, Miṣr: al-Maktabah al-Tijariyyah, t.t., (Maddah al-Qard); Al-Maltawī, Fiqh al-Mu^camalat Ala Madhhab al-Imām Mālik, Miṣr: al-Majlis al-^cAḥā Li al-Shu'un al-Islāmiyah, 1393H/ 1973M, hlm. 96.; Ibn Ḥajar al-Haitamī, Hawāshī al-Sharwāni wa Ibn Qāsim al-^cUbādi Ala Tuhfah al-Muhtoj bi Sharh al-Minhāj, Beirut: Dar Ṣadir, t.t., jld. 6, hlm 81.

² al-Dasūqī, Ḥashīyah al-Dasūqī Ala al-Sharh al-Kabīr, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, (t.t.), jld. 3.

Bagi Madhab Maliki:

Al-Qard pada Shara^c iaitu pinjaman harta yang bernilai, diberi oleh pemutang kepada peminjam, semata-mata untuk ia mendapatkan manfaatnya, dimana pemutang hanya akan mengambil ganti harta yang dibayar, mengikut amanun di bawah tanggungannya pada asal, tetapi dengan syarat bahawa gantian yang dibayar itu tidak berlawanan dengan amanun pinjaman yang diberinya dahulu.³

Bagi Madhab Shafī‘ī:

Al-Qard pada Shara^c iaitu mempermilikan sesuatu harta daripada seseorang kepada seseorang yang lain, untuk membolehkan ia menggunakannya, atas bahawa ia akan mengembalikan semula sama sepertinya, atau barang ganti yang sama nilainya dengan yang dahulu.⁴

³ hlm.222; ⁴ Abd. al-Rahmān Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘Alā al-Madhabib al-Arbā‘ah*, Beirut: Ahyā’ al-Turath al-‘Arabi, t.t., jld.2, hlm.338.

³ Mālik, *al-Mudawwanah al-Kubrā*, Dimashq: Dār al-Fikr, (t.t.), jld.3, hlm.130; Al-Malāwi, *Fiqh al-Mu‘amalat ‘Alā Madhab al-Imām Mālik*, Miṣr: al-Majlis al-‘A‘lā Li al-Shu‘ūn al-Islamiyyah, 1393H/1973M, hlm.96.

⁴ al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma‘rifatī Ma‘āni Ḫalfāt al-Minhāj*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1377H/1958M, jld.2, hlm.117.; al-Ramī, *Nihāyah al-Muhtāj*, jld.3, hlm.243; Al-Fairuzu‘abadi al-Shirazi, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shafī‘ī*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t., jld.1, hlm.400; al-Nawāwī, *al-Qaṣīṣūh wa ‘Umairah ‘Alā Minhāj al-Talibīn*, Singapore: Matba‘ah Sulaimān Mar‘īy, t.t., jld.2, hlm.257; al-Ghamrāwī, *al-Sirāj al-Wahhāj*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1352H/1933M, hlm.210; ⁴Umar Barakāt, *Faid al-Hāfi al-Mālik fī Halli Ḫalfāt* *‘Umdah al-Salik wa ‘Uddah al-Nāsik*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1372H/1953M, jld.2, hlm.30.; al-Bahūtī, *al-Rāid al-Murabbā‘ bi Ḥashīyah al-‘Angārī*, Riad: Matba‘ah al-Riād al-Ḥadīthah, (t.t.) jld.3, hlm.151

Bagi Madhhab Hanbali:

Al-Qard pada Shara^c ialah aqad perjanjian yang dibuat oleh pemiutang, untuk memindah permilikan amaun harta kepada peminjam, di mana peminjam berjanji akan mengembalikan semula barang gantiannya.⁵

Al-Qard: الْقَرْضُ

Berdasarkan kepada takrif-takrif yang telah disebutkan itu, maka bolehlah dirumuskan bahawa "al-Qard" pada Shara^c ialah suatu aqad perjanjian pinjaman antara pemiutang dengan peminjam, dimana pemiutang mengaku memberikan permilikan sejumlah amaun wang, atau harta yang seumpamanya, yang ada di bawah miliknya kepada peminjam dalam tempoh tertentu. Peminjam pula berjanji akan mengembayarnya semula kepada pemiutang sama seperti amaun harta yang dipinjamnya dahulu dan tidak lebih dari itu.

Al-Hasan: الْحَسَنُ

Kalimah "Al-Hasan" yang digandingkan dengan kalimah "al-Qard" itu maknanya ialah "yang baik". Kalimah ini digandingkan bertujuan untuk menguatkan maksud al-Qard. Kalimah "al-Qard" sebenarnya sudah cukup untuk menggambarkan suatu Mu'amalah baik yang tidak memerlukan ganjaran faedah atau keuntungan, bahkan setiap faedah atau keuntungan ke atas pinjaman adalah riba yang dilarang oleh Allah. Maka kalimah "al-Hasan" yang baik itu bermaksud;

⁵

Ibn Qudāmah, Al-Mughnī, Misr: Dar al-Wafā', t.t, jld.4, hlm.348; al-Sayūqī, Matalib 'Awla al-Nahy fi Sharh Ghayrah al-Muntahi, Dimashq: Manshūrat al-Maktab al-Islāmī, 1360H, jld.3, hlm.227.

Pinjaman yang diberikan itu adalah semata-mata suatu mu'amalah yang baik, bertujuan untuk membuat kebajikan kerana Allah dengan membantu atau menolong seseorang. Bukan untuk tujuan bermula atau mencari keuntungan atau mengharap apa-apa faedah. Segala manfaat yang ada pada pinjaman, semuanya kembali kepada peminjam semata-mata, pembiutang tidak mendapat apa-apa manfaat dari harta yang dipinjamkannya itu⁶

Jika terdapat bayaran lebih yang dikenakan, maka bayaran itu hendaklah bukan merupakan faedah ke atas pinjaman. Bayaran hanya boleh dikenakan atas sebab-sebab lain, sekadar caj perkhidmatan, perkeranian, stem cukai dan bayaran guaman yang tidak berlebih-lebihan, kerana skim al-Qard al-Hasan adalah merupakan perkhidmatan kebajikan untuk menolong orang yang susah.

Sekiranya peminjam itu membayar pinjamannya lebih dari jumlah yang dipinjam, atas keikhlasannya sendiri sebagai tanda kesyukuran di atas kebaikan orang kepadanya, maka mu'amalah tersebut diharuskan, bahkan sangat-sangat digalakkan berdasarkan Hadith daripada Jabir r.a. yang maksudnya;

Dari Jabir r.a. ia berkata; aku pernah datang ke tempat Nabi s.a.w., sedang Nabi s.a.w. ada berhutang kepadaku, kemudian Ia membayarnya kepadaku dan menambah bayarannya itu.⁷

⁶ Abd. al-Rahmān al-Jazīrī, Kitāb al-Fiqh ‘Alā Madhāhib al-Arbā’ah, Beirut: Aḥyā al-Turāث al-‘Arabī, t.t., jld.2, hlm.338.

⁷ al-Bukhārī, Sahīh al-Bukhārī, Beirut: Dar al-Qalam, t.t., jld.3, hlm.246.

Terdapat juga sesetengah institusi yang menyediakan skim *al-Qard al-Hasan*, samada bank, koperasi atau pajak gadai yang memberitahu kepada pemohon skim tersebut terlebih dahulu, agar memberikan sedikit hadiah atau derma yang tidak berbentuk paksaan. Penulis tetap menganggapnya sebagai riba, kerana Rasulullah s.a.w. melarang seseorang yang meminjam itu memberi apa-apa hadiah kepada yang memberikannya pinjaman, atau membawa pembiutang itu menaikki kenderaanya, kecuali mereka itu biasa melakukan perbuatan seperti itu sebelumnya.⁸

Imam Malik menjelaskan dalam hal yang tersebut di atas;

Haram ke atas peminjam memberi hadiah kepada pembiutang, dan pembiutang juga haram menerima hadiah tersebut, kerana perbuatan itu boleh mempengaruhi peminjam, supaya membayar lebih daripada amanah yang dipinjamnya.⁹

Setiap pinjaman haram mengambil faedah atau keuntungan. Walaubagaimanapun, adalah sangat baik sekiranya peminjam tersebut membayar lebih dari jumlah yang dipinjamnya, tetapi bukan kerana syarat atau kehendak yang telah disebut oleh pembiutang. Sekiranya peminjam itu memberi hadiah kepada pembiutang lebih dahulu, sebelum ia mendapatkan pinjaman, maka hadiah tersebut tetap dilarang, kerana ia dianggap riba yang diharamkan ke atas peminjam dan pembiutang. Melainkan jika sekiranya hadiah itu diberikannya pada ketika ia membayar pinjamannya yang terakhir, maka tidaklah dianggap riba, bahkan dianggap perbuatan yang sangat baik.

8. Ibn Hajar, *Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith al-Rafī' al-Kabīr*, Op.Cit, jld.3, hlm.356.

9. Ulaish, *Fath al-'Alīy al-Mālik fi al-Fatwā 'Alā Madhhab al-Imām Mālik*, Misr: Dār al-Fikr, t.t., jld.2, hlm. 136.

2. HUKUM AL-QARD AL-HASAN.

2.1. Latar Belakang Hukum Al-Qard Al-Hasan.

Al-Qard al-Hasan atau pinjaman yang baik adalah satu skim dalam sistem Mu'amalat Islam di Malaysia. Tujuannya untuk menolong orang-orang yang susah dan terdesak bagi mendapatkan bantuan kewangan atau keperluan hidup yang sangat-sangat diperlukan. Ianya bukan untuk tujuan perniagaan dan pinjamannya tidak melibatkan jumlah yang besar.

Islam adalah agama yang sejahtera, satu agama yang sentiasa perihatin terhadap kesejahteraan umatnya. Kerana itu Islam sangat menggalakkan umatnya menolong saudara-saudaranya, terutama yang ditimpa kesusahan. Tidak wajar seorang yang beriman itu membiarkan jirannya kebuluran, sedangkan ia tidur nyenyak dalam keadaan kekenyangan. Orang-orang yang dalam kesempitan sangat terdesak untuk memenuhi keperluan asas, seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan rawatan sakit. Ada di kalangan mereka yang tidak suka meminta-minta, tetapi lebih suka sekiranya ada orang atau institusi yang boleh menolongnya mendapatkan pinjaman sekadar yang diperlukan dan mereka berjanji akan membayarnya semula.

Islam mengharuskan mereka meminjam dan skim al-Qard al-Hasan sangat baik untuk melaksanakan tuntutan itu. Sebaliknya orang yang mempunyai harta, sunat memberikan pinjaman, tetapi pemutang haram menangguk di air keruh dengan mengenakan faedah ke atas pinjaman yang diberikannya. Segala manfaat pinjaman itu semuanya kembali kepada peminjam, pemutang tidak harus sedikitpun menerima apa-apa manfaat hasil dari pemberiannya itu. Pinjamannya

itu hanya sebagai amal kebajikan, tujuannya semata-mata kerana Allah s. w. t. sahaja. Hukum al-Qard sabit dengan ayat-ayat Allah s. w. t., Hadīth-Hadīth RasuluLlah s. a. w., ijmā' ulama dan qiyās, seperti yang akan diterangkan berikut ini:

2.2. Ayat-ayat al-Qard:

(1) Surah al-Baqarah, ayat 245:

مَنْ ذَا الَّذِي يَقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَبِضْعَفِهِ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَيَبْصُرُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ.

MaksudNya;

Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah akan pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah dengan ikhlas). Maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak dan Allahlah yang menyempitkan dan melapangkan rezki dan kepadaNya kamu dikembalikan.

Ayat di atas Allah memperakukan orang yang memberikan pinjaman al-Qard itu sebenarnya ia memberikan pinjaman kepada Allah s.w.t..

(2) Surah al-Mā'idah, ayat 12:

وَعَزَّرْتُمُوهُمْ وَأَقْرَضْتُمُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَا كُفَّارٌ عَنْكُمْ سَيِّنَاتِكُمْ

MaksudNya;

Dan kamu bantulah mereka dan kamu pinjamkanlah kepada Allah pinjaman yang baik (ikhlas), sesungguhnya Aku (Allah) akan menutupi dosa-dosamu.

Ayat yang tersebut itu, Allah menjanjikan kepada orang-orang yang memberikan pinjaman yang ikhlas akan ditutup dosa-dosa mereka.

(3) Surah *al-Hadid*, ayat 11:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضِعِّفَ لَهُ
وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ .

MaksudNya;

Siapakah yang mau meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, maka Allah akan melipat gandakan (balasanNya) itu untuknya, dan dia akan memperolehi pahala yang banyak.

Ayat yang tersebut di atas itu, Allah telah menjanjikan akan melipat gandakan ganjaran dan pahala kepada orang-orang yang memberikan pinjaman.

(4) Surah *al-Hadid*, ayat 18:

إِنَّ الْمُصَدِّقِينَ وَالْمُصَدِّقَاتِ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا
حَسَنًا يُضِعِّفُ لَهُمْ وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ .

MaksudNya:

Sesungguhnya orang-orang yang membenarkan Allah dan RasulNya baik lelaki maupun perempuan, dan meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya akan dilipat gandakan (pembayarannya) kepada mereka dan bagi mereka pahala yang banyak

Ayat yang tersebut itu, menjelaska bahawa lelaki dan perempuan yang memberikan pinjaman akan dibayar balik oleh Allah s.w.t., lebih banyak dari pinjaman yang telah mereka berikan.

(5) Surah *al-Tagħabun*, ayat 17:

إِنْ تُرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضْعِفُهُ لَكُمْ
وَيَغْفِرُ لَكُمْ وَاللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ .

MaksudNya;

Jika kamu meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya Allah akan melipat gandakan (pembalasannya), dan Allah maha pembalas jasa lagi maha penyantun.

Ayat yang tersebut itu menjelaskan bahawa Allah maha pembalas jasa dan penyantun ke atas orang-orang yang memberikan pinjaman

(6) Surah *al-Muzzammil* , ayat 20:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكُوَةَ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا

MaksudNya:

Dan kamu dirikanlah sembahyang, serta bayarlah zakat dan pinjamkanlah kepada jalan Allah pinjaman yang baik (ikhlas kerana Allah).

Ayat yang tersebut itu menjelaskan bahawa salat dan zakat seseorang akan sempurna dengan memberikan pinjaman yang baik.

Ayat-ayat yang tersebut di atas itu, cukup menjadi hujjah yang kuat kepada hukum al-Qard yang wajar dilaksanakan. Ayat-ayat tersebut merupakan suruhan Allah s.w.t. yang disunatkan ke atas seseorang yang mempunyai harta, supaya memberikan pinjaman al-Qard, suruhan tersebut bukan suruhan wajib. Tetapi hukum orang yang meminjam kepada seseorang adalah harus.¹⁰

Kerana itu Allah menggalakkan orang-orang yang beriman yang mempunyai kekayaan, supaya memberikan bantuan pinjaman kepada saudara-saudaranya yang susah. Allah berjanji akan melipat gandakan ganjaran pahala, dan memberi pengampunan dosa, seperti yang telah dinyatakan dalam ayat-ayatNya di atas itu. Sebaliknya, jika seseorang itu tidak dapat memberikan pinjaman apabila diminta oleh peminjam, tidaklah ia berdosa.¹¹

2.3. Ḥadīth-Ḥadīth al-Qard:

Al-Qard juga sabit pada Shara^c, berdasarkan Ḥadīth-ḥadīth RasūluLlāh s.a.w. yang menggalakkan sesorang supaya menolong orang yang susah. Berikut ini dierangkan tentang beberapa kelebihan orang-orang yang memberikan pinjaman al-Qard al-Ilasan, serta ḥadīth-hadīth RasululLlah s.a.w. yang menerangkan jenis-jenis harta yang pernah dipinjamkan, sebagai bukti amalan al-Qard yang pernah dilaksanakan dalam Islam.

¹⁰ al-Khaṭīb, op. cit., jld.2, hlm.117; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4,hlm.347. Al-Zuhārī, op.cit., Dimashq: Dār al- Fikr, 1405H/1985M, jld.4, hlm.720.

¹¹ Al-Hanbālī, Ghayah al-Muntahi fi al-Jam‘ baina al-Iqna‘ wa al-Muntahi, Damsheq: Dar al-Salam, 1377H, jld.2, hlm.83.

(1) Allah akan memudahkan kepayaan seseorang yang pernah memudahkan kepayaan orang lain:

Hadith riwayat Abū Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda yang maksudnya;

*Sesiapa yang melepaskan kesusahan orang Islam dari kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah s.w.t. akan melepaskan kesusahannya di hari Qiāmat. Dan sesiapa yang memudahkan kepayaan seseorang, nescaya Allah akan memudahkan kepayaannya di dunia dan di akhirat. Dan Allah sentiasa menolong hambaNya selama hambaNya menolong saudaranya.*¹²

Hadith yang tersebut di atas itu bersifat umum, kerana ia menyebutkan segala bentuk kesusahan dan kepayaan, antara kesusahan yang memerlukan bantuan orang lain ialah kesusahan kerana tidak mempunyai wang untuk keperluan hidup. Maka mengadakan skim al-Qard al-Hasan adalah salah satu cara untuk melepaskan kesusahan hidup, dengan memberikan pinjaman wang kepada yang berhajat, ia boleh menyelesaikan keperluan hidupnya yang sedang dihadapi.

(2) Pinjaman al-Qard dengan seribu dinar:

Maksud Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r. a.:

*Sesungguhnya RasūluLLāh s.a.w. telah menyebut ada seorang lelaki telah meminta kepada seorang Bani Israil supaya memberikannya pinjaman seribu dinar. Maka lalu diberikan kepadanya untuk tempoh yang telah ditentukan. Berkata ‘Umar r.a. tentang kedua-dua mereka (peminjam dan pembiutang) dan pemberian (pinjaman) itu apabila ia menanggukannya pada al-Qard (hukumnya) harus.*¹³

¹² Muslim, *Saḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār 'Aḥyā al-Turāth al-‘Arabī, 1412H/1991M, cct.4, jld.3, hlm.1196.

¹³ Al-Bukhārī, op.cit., jld.2, juz.3, hlm.383.

(3) Kelebihan orang yang memberi pinjaman *al-Qard* seperti berjihad:

Riwayat daripada Abū Hurairah r. a. katanya RasūluLLāh s. ª. w. telah bersabda yang maksudNya;

*Orang yang menolong perempuan janda dan orang-orang yang miskin, adalah seperti orang yang berjihad di jalan Allah.*¹⁴

Sebahagian dari pertolongan yang boleh diberikan kepada perempuan janda dan orang-orang miskin ialah memberikan mereka pinjaman *al-Qard al-Hasan* apabila mereka memerlukannya. Memberikan pertolongan kepada mereka sangatlah dituntut oleh Islam, kerana itu memberi mereka bantuan pinjaman ganjarannya sangat besar, iaitu sama dengan ganjaran pahala orang yang berjihad di jalan Allah s.w.t...

(4) Memberi pinjaman *al-Qard al-Hasan* lebih utama dari bersedeqah:

Hadith riwayat Ibn Majah, bahawa RasūluLLāh s. ª. w. bersabda yang maksudNya;

*Tidak adalah daripada seorang Islam yang memberi pinjaman kepada seorang Islam yang lain sebanyak dua kali, melainkan adalah ia (mendapat pahala) seperti memberi sedeqah sekali.*¹⁵

Hadīth yang tersebut itu, adalah hadīth galakan (*targhib*) kepada pemutang, kerana dengan dua kali memberi pinjaman itu walaupun tidak diberikan terus,

^{14.} Ibid., jld.4, juz.8, hlm.327.

^{15.} Ibn Taimiyyah, Nail al-'Avtar, (terjemahan) KL: Victory Agencie, 1994, jld.4, hlm.1779; al-Zuhaili, op.cit., jld.4, hlm.721.

bahkan dikembalikan semula kepadanya, tetapi seolah-olah ia telah memberikannya terus sama seperti pahala sekali sedeqah.

(5) Keutamaan memberi pinjaman *al-Qard al-Hasan*:

Hadith daripada Anas katanya RasūluLlāh s. a. w. telah bersabda yang maksudnya;

Aku telah melihat pada malam aku diisra'kan, di atas pintu Shurga tertulis; "sedeqah itu diberi sepuluh ganjarannya dan memberi pinjaman lapan belas kali ganjarannya. Maka akupun bertanya, wahai Jibril, kenapakah pinjaman itu lebih utama dari sedekah?". Jawab Jibril a. s. kerana orang yang meminta sedekah itu ia meminta walhal padanya masih ada, sedangkan orang yang meminta pinjaman itu tidaklah ia meminta melainkan kerana ia memang memerlukannya.¹⁶

Kalau seseorang memberi sedekah kepada seseorang yang lain, sebenarnya orang yang diberi sedekah itu tidaklah ia memerlukannya sangat, kerana orang tersebut sebenarnya masih memiliki sedikit harta. Berlainan orang yang datang meminta hutang, tidak mungkin ia sengaja datang untuk meminta hutang dengan muka yang tebal, malu, melainkan ia sebenarnya memang menghendakki pertolongan dan bantuan, kalau tidak ada keperluan yang sangat penting, maka tidak mungkin ia datang menagih hutang dari orang.

(6) Meminjamkan binatang ternakan unta:

Hadīth daripada Abī Hurairah r. 'a. katanya;

RasūluLlāh s.a.w. pernah meminjam seekor unta, kemudian baginda membayar dengan seekor unta yang labih baik dari yang dipinjamnya dan bersabda; "sebaik-baik kamu ialah yang lebih baik bila membayar pinjamannya".¹⁷

^{16.} Petikan daripada Ibn. Qudāmah, op. cit., jil.4, hlm.347

^{17.} Al-Bukhārī, op.cit., jld.2, juz.3, hlm.245.

(7) Meminjam wang dirham:

Kata Ibn ‘Umar yang maksudnya;

*Menanggukkan tempoh pinjaman al-Qard tidaklah mengapa, sekalipun ia dibayar lebih dari amaun dirham yang dipinjamkannya, selama ia tidak meletakkannya sebagai syarat (ketika aqad), bayaran lebih itu adalah sebagai pemberian hibah, kata ‘Umar bin Dinar bayaran lebih itu hendaklah diberi pada tempoh akhir pinjaman.*¹⁸

(8) Meminjam buah-buahan.

Daripada Ibn ‘Abbas r. a. katanya yang bermaksud;

*Ketika Nabi s.a.w. datang ke Madinah, lalu mereka meminjam buah-buahan setahun dan ada yang dua tahun. Maka sabda Rasulullah s.a.w.; "sesiapa yang meminjam buah-buahan, maka hendaklah ia meminjamnya dengan sukat dan timbangan yang tertentu, serta tempoh masa yang tertentu.*¹⁹

(9) Meminjam daripada seorang bani Israil:

Hadith riwayat daripada Abī Hurairah r.a. yang bermaksud;

*Daripada Rasūlullah s.a.w. sesungguhnya beliau telah menyebutkan ada seorang lelaki yang meminta kepada seorang bani Isrāil supaya meminjamkannya wang seribu dinar, maka ia pun memberikannya wang itu untuk tempoh yang ditentukan.*²⁰

^{18.} Ibid., jld.2, juz.3, hlm.249.

^{19.} Ibn Hajar al-Asqalani, Bulugh al-Marām, Singapore: Sulaimān Marītī, t.t., hlm.104.

^{20.} Al-Bukhārī, op.cit., jld.2, juz.4, hlm.383.

Kesimpulan:

Hadith-hadith yang disebut di atas, jelas sebagai bukti yang kukuh bahawa al-Qard al-Hasan pernah berlaku di zaman RasūluLlāh s.a.w. dahulu. Pinjaman al-Qard tersebut menunjukkan tidak hanya terhad kepada wang dinar dan dirham semata-mata. Tetapi juga melibatkan pinjaman binatang ternakan seperti unta, biji-bijian seperti gandum, dan buah-buahan seperti kurma. Bukan sahaja enam jenis barang riba daripada emas, perak, gandum, terigu, kurma dan garam, tetapi juga barang-barang yang selainnya.. Pembiutang juga tidak hanya terbatas dari kalangan umat Islam, tetapi juga dari kalangan orang-orang kafir seperti orang-orang Yahudi bani Israil.

^cUthmān bin ^cAffān r.f. pernah meminjamkan wang kepada orang-orang bukan Islam yang berbangsa Yahudi bersama-sama Ya‘qūb untuk tujuan perniagaan. Ini menunjukkan bahawa pinjaman itu diharuskan ke atas umat Islam atau dengan orang yang bukan Islam, samada dari jenis barang-barang riba atau yang bukan dari jenis riba, seperti makanan harian daripada tepung, anggur dan minyak ataupun binatang ternakan seperti unta dan kambing.²¹

2.4. Ijmāc Ulama Untuk al-Qard.

Berdasarkan kepada ayat-ayat Allah s.w.t. dan Hadīth-hadīth RasūluLlāh s.a.w. yang menyentuh hukum harusnya bermacamalah dengan al-qard, maka ulama-ulama fiqh sepakat berpendapat bahawa mucamalah al-qard atau pinjaman adalah diharuskan oleh Shara‘, kerana Allah dan RasulNya tidak menghalang

²¹. Ibn Hajar al-Asqalānī, Bulugh al-Marām Min Adillah al-Ahkām, Singapore: Sulaimān Mar‘ī, t.t., hlm.105; al-Šadafī, Kitab al-Wathā’iq, Baghdad: Islamic Culture, 1960, jld.7, hlm.28.

mu'amalah tersebut, bahkan menggalakkannya dan RasūluLlāh s. a. w. sendiri melakukannya dalam banyak peristiwa bersama-sama orang Islam dan yang bukan Islam seperti yang telah diterangkan dalam ḥadīth-ḥadīth yang lalu.²²

2.5. Al-Qiyās Untuk al-Qard.

Al-Qard juga diharuskan berdasarkan kaedah hukum al-Qiyās, kerana menolong atau membantu orang-orang yang susah atau yang memerlukan adalah suatu amal kebajikan. Firman Allah dalam surah al-Mā'idah ayat 2, maksudNya;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىِ الْإِثْمِ
وَالْعُدُوانِ وَاتَّقُوْا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ .

MaksudNya;

Dan bertolong bantulah kamu atas jalan kebajikan atau taqwa, dan janganlah kamu menolong bantu membuat jalan-jalan dosa dan permusuhan.

Sekiranya Allah menyuruh hambaNya yang beriman supaya meno long orang atas segala bentuk kebajikan dan taqwa. Maka mu'amalah al-qard juga adalah berbentuk kebaikan dan taqwa, al-qard sebagai kebajikan kerana ia dapat memberikan pinjaman kepada seseorang yang susah atau yang sangat memerlukannya, al-qard sebagai jalan taqwa kerana pinjaman diberi tanpa mengenakan bunga kepada peminjam, pemutang hanya melakukan kebajikan untuk faedah peminjam.

22. Ibn Qudāmah, op.cit.jld.4, hlm.313.; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.117; ⁶Alauddīn Kharūfah, Dr., ‘Aqd al-Qard fi al-Shari‘ah al-Islāmiyyah wa al-Qanūn al-Wadī’i, Beirūt: Mu’assasah Nauṣrā, 1982, hlm.162-163.

Sekiranya faedah pinjaman itu kembali kepada pemutang, maka faedah yang tersebut itu riba, pinjaman seperti itu hanya akan membawa kepada dosa dan permusuhan. Berdosa kerana mengenakan faedah ke atas pinjaman yang tidak sewajarnya dikenakan, terutama ke atas orang yang susah dan terdesak, Perbuatan mengenakan faedah itu, sama seperti menangguk di air keruh, ia pasti membawa kepada permusuhan atau kebencian peminjam terhadap pemutang.

3. PERBEZAAN AL-QARD DENGAN AL-ĀRIAH DAN AL-QIRĀD.

3.1. Al-Qard al-Hasan: الْقَرْضُ الْحَسَنُ

Ialah suatu bentuk mu'amalah dalam Islam yang membolehkan antara pemutang dan peminjam bertukar-tukar barang daripada jenis yang satu tetapi bukan benda yang asal. Pemutang menghutangkan wangnya RM1,000 (wang asal) kepada peminjam, peminjam boleh membayarnya RM1,000 (wang lain yang bukan asal) kepada pemutang dengan syarat nilai ganti wang mestilah tidak kurang dari amaun pinjamannya yang asal itu..

Sekiranya seseorang itu meminjamkan seekor lembu, maka peminjam boleh membayarnya dengan seekor lembu juga, tetapi bukan lembu asal yang dipinjamnya dahulu, dengan syarat nilai harganya tidak kurang dari lembu asal dahulu.

3.2. *Al-Āriah*: الْعَارِيَةُ

Al-Āriah maknanya pinjaman. Ianya suatu bentuk mu'amalah dalam Islam yang diharuskan, iaitu dengan meminjamkan sesuatu barang kepada seseorang lain yang memerlukannya dengan tujuan untuk diguna pakai manfaatnya, setelah peminjam selesai menggunakan barang itu, barang pinjaman itu masih ada dan kekal, maka peminjam akan mengembalikan semula barang asal itu kepada pemiliknya yang memberikannya pinjaman, kerana barang asal pinjaman itu masih kekal.²³

Pinjaman *al-Āriah* itu seperti meminjamkan kenderaan kepada seseorang, atau meminjamkan rumah kepada seseorang, setelah kereta itu dipakai atau rumah itu didiami, maka kereta yang asal dan rumah yang asal itu hendaklah dikembalikan semula kepada pemiliknya. Samalah juga seperti meminjamkan baju atau buku, maka peminjam wajiblah memulangkan baju atau buku yang masih kekal itu kepada tuannya, bukan memulangkan gantian baju atau bukunya yang lain. Tetapi dengan ciri-ciri dan syarat-syaratnya yang tersendiri, dengan kadar penggunaan manfaat yang diizinkan oleh pemberi pinjaman itu.²⁴

3.3. *Al-Qirād*: الْقِرَادُ

Al-Qirād ialah meminjamkan wang atau harta kepada pengusaha untuk diperniagakan dan keuntungannya akan diagih mengikut perjanjian yang

^{23.} Al-Ghamrāwī, *al-Sirāj al-Wahhāj*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1352H/1933M, hlm.263

^{24.} Ibid., hlm.264.

dipersetujui oleh kedua belah pihak. Perbezaannya dengan al-qard ialah, al-qirād wang yang diberikan adalah dianggap sebagai pelaburan untuk mendapatkan keuntungan, sedangkan al-qard wang yang dipinjamkan adalah semata-mata untuk kebajikan, bukan untuk mencari keuntungan. Faedah al-qard kembali kepada peminjam sahaja, sedangkan faedah al-qirād kembali kepada kedua-dua belah pihak.²⁵

Adapun faedah al-Āriyah hanya untuk peminjam sahaja, tetapi faedah yang dimanfaatkan itu terbatas mengikut keizinan yang ditentukan oleh pemilik barang yang memberikan pinjaman. Kalau barang asal pinjaman al-Qard dan al-Qirād boleh dikembalikan dengan gantiannya yang lain, tetapi barang asal pada pinjaman al-Āriyah tidak boleh diganti dengan barang lain kecuali barangnya yang asal juga, melainkan sekiranya barang tersebut rosak atau hilang kerana kecuaiannya, maka peminjam wajiblah menggantikannya.²⁶

4. RUKUN AL-QARD.

Muamalah Al-Qard atau pinjaman hanya sah pada Sharae, jika ianya telah memenuhi rukun-rukun dan syarat-syaratnya dengan sempurna. Muamalah al-Qard ada empat rukun. Semua rukun-rukun tersebut akan dihurai, bersama dengan syarat-syaratnya bagi mengukuhkan kedudukan rukun-rukun al-Qard tersebut.²⁷

²⁵ Ibid., hlm.279.

²⁶ Ibid., hlm.263

²⁷ Al-Khayrī, op.cit., jld.2, hlm.117.; Ibn Hajar, *al-Talkhīs al-Habīr*, jld.9, hlm.350.;

²⁸ Abd al-Rahmān al-Jarīrī, *Kitāb al-Fiqh 'Alā al-Madhabib al-'Arba'*, jld.2, hlm.341.;

4.1. Rukun Pertama: Pemutang (*al-Muqrid*)

Pemutang ialah orang yang memberikan pinjaman, iaitu mereka yang mempunyai harta dan mengeluarkan harta miliknya untuk dipinjamkan kepada orang lain yang memerlukannya.

Syarat-syarat pemutang sama dengan syarat-syarat penjual dalam mu'amalah jual beli, iaitu mereka mestilah:

(1) Ahli Tabarruc.²⁸

Iaitu orang yang layak memberi sumbangan dan harus melakukan urusniaga (*jāiz al-tasarruf*),²⁹ seperti mu'amalah jual beli, pinjam meminjam, sewa menyewa dan gadai menggadai. Pemutang mestilah orang yang waras akalnya, bukan orang yang gila atau terlalu bodoh. Mereka tidak ditahan dari melakukan urusniaga yang disebabkan oleh muflis, kecuali ada kebenaran daripada pihak berkuasa yang menahan mereka dari urusniaga.³⁰

Walaubagaimanapun, wali orang yang gila atau wali kanak-kanak yang *safīh* (bodoh) boleh menjalankan urusniaga pinjaman mereka, dengan meminjamkan wang perwalian itu kepada peminjam dengan syarat tidak ada unsur-unsur paksaan. Sekiranya terdapat unsur-unsur paksaan, maka perwalian dalam urusniaga pinjaman tersebut tidak sah. Tetapi bagi Imam al-Subki berpendapat, sekiranya peminjam tersebut orang yang mudah membayar hutangnya dan

²⁸ Al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.118.

²⁹ Al-Zuhailī, op.cit., jld.4, hlm.721.

³⁰ Al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.118.; Ibn Ḥajar, op.cit., jld.9, hlm.351.

mempunyai sifat amanah serta ada cagaran untuk dijadikan jaminan hutangnya itu, maka urusniaganya sah.³¹

Justeru itu, Ibn Qudāmah berpendapat, sesiapa yang hendak memohon pinjaman ia mestilah memberi tahu kepada pemutangnya tentang keadaan dirinya yang sebenar. Janganlah ia menipu pemutang berkenaan hal dirinya, melainkan perkara-perkara remeh temeh yang tidak menjaskan kemampuan peminjam untuk membayar pinjamannya itu.³²

(2) Pemilik Yang Sempurna.

Pemutang mestilah menjadi pemilik yang sebenar ke atas harta yang hendak dipinjamkannya, harta tersebut dimiliki dengan cara yang halal, bukan dicuri atau dirompak, kerana harta yang diperolehi dengan cara yang tidak halal tidak boleh menjadi hak miliknya yang sah. Harta tersebut hendaklah diperolehi dengan cara yang diharuskan oleh Shara^e, samada melalui usahanya sendiri yang diharuskan oleh Islam, atau diperolehi dari harta pusaka, atau melalui hadiah pemberian orang kepadanya atau memang dibelinya sendiri.³³

Milik yang sempurna bererti harta itu bukan hanya sekadar miliknya yang sebenar, tetapi mestilah harta yang masih tetap ada dibawah urusan dan tanggungjawabnya, masih dibawah kuasa dan pegangannya. Bukan harta yang dipinjamkan atau yang dicagarkan atau yang digadaikan kepada orang lain, bukan juga harta yang telah hilang atau telah dicuri yang ada di tangan pencuri, atau harta

³¹ Al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.118.

³² Ibn Qudāmah,op.cit., jld.4, hlm.348.

³³ Malik, al-Mudawwanah al-Kubrā, Misr: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah, t.t., jld.6, hlm.98.; Barī, Sirāj al-Ṣalīk, Misr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t., jld.2, hlm.187.; al-Sawi, Bulagh al-Ṣalīk li Aqrāb al-Ḥasālik, Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t., jld.2, hlm.296.

yang ditahan oleh penguasa kerajaan, atau harta itu adalah yang diperolehinya dengan cara dirampas atau dipinjam dari orang lain. Kerana semua itu dianggap harta yang tidak sempurna dan tidak sah menjadi miliknya pada Sharac. Ibn Qudamah menjelaskan bahawa harta yang dirampas dan dipinjam tidak boleh menghilangkan hak milik dari pemiliknya yang asal. Imam Shafie juga berpendapat sama bahawa perampas atau peminjam tersebut tidak boleh mempermilik harta yang dirampas atau yang dipinjamnya itu.³⁴

Pemutang Seorang Kanak-kanak:

Bagi madhab Hanafi, seorang kanak-kanak yang belum baligh harus meminjamkan hartanya sama seperti kanak-kanak yang sudah baligh, iaitu dengan syarat mestilah mendapat izin dari bapanya atau wali yang menjaganya, sama seperti mu'amalah jual beli. Tetapi jika kanak-kanak itu disekat *al-mahjur calaih* oleh bapanya atau penjaganya dari melakukan urusniaga, maka segala bentuk urusniaga yang dilakukan oleh kanak-kanak itu tidak sah dan harta kanak-kanak itu hendaklah dipulangkan semula kepadanya. Tetapi kata imam Abu Hanifah dan muridnya imam Muhammad; "jika sekiranya harta itu telah dibelanjakan atau rosak, maka tidaklah perlu diganti". Sebaliknya bagi imam Abi Yusuf, peminjam wajiblah memulangkan harta pinjaman itu dengan mengganti yang rosak.³⁵

Walaubagaimanapun, bagi madhab Maliki, harta kanak-kanak yang ada sekatan dari bapa, wasi atau walinya harus dipinjmankan untuk *maslahah* makan,

^{34.} Ibn Qudāmah, op.cit., jld.2, hlm.348 & 349

^{35.} Ibn Qādī, *Kitāb Adab al-Awsīā'* al-Qāherah: al-Maṭba'ah al-Azhariyyah, 1300H, jld.1, hlm.198.; Ibn. Qādī, *Kitāb Jāmi' Aḥkām al-Sighār*, al-Qāherah: al-Maṭba'ah al-Azhariyyah, 1300H, jld.1, hlm.165.

minum dan pakaian kanak-kanak tersebut yang dianggap sebagai keperluan wajib (*darūrī*).³⁶

Bagi madhab Shāfi‘ī, kanak-kanak yang belum baligh, anak-anak yatim dan orang gila tidak harus atau tidak sah meminjamkan hartanya kepada orang lain. Bapa dan penjaganya juga tidak diharuskan menjalankan mu‘amalah meminjamkan harta tersebut kepada orang lain melainkan jika terpaksa (*darūrah*), seperti bimbang berlakunya penyelewengan ke atas harta mereka atau ada faedah kebaikan yang lebih nyata kepada mereka itu.³⁷

Bagi madhab Hanbali, wali, wasi atau hakim harus meminjamkan harta kanak-kanak atau anak-anak yatim, harus menggadaikannya dan harus juga menjualkannya secara tangguh, untuk kepentingan kanak-kanak itu sendiri, bukan untuk kepentingan wali, wasi atau hakim itu. Bahkan imam al-Qadi menjelaskan bahawa *wāṣī* harus meminjamkan harta anak yatim itu di negeri lain untuk menyelamatkan bahaya di perjalanan, demi menjaga maslahah kedua belah pihak tanpa memudaratkan seorangpun daripada mereka.³⁸

4.2. Rukun Kedua: Peminjam. (*al-Muqtarid*)

Peminjam ialah mereka yang meminjam wang atau barang daripada seseorang atau yang memohon pinjaman daripada seorang yang lain yang mempunyai harta. Peminjam atau yang memohon pinjaman mestilah mempunyai

^{36.} Ahmad Ḥalīsh, *Fath al-‘Alīy al-Ḥalīk*, jld.2, hlm.136.

^{37.} Al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, Miṣr: Dār al-Shāfi‘ī, 1388H/1968M, jld.3,hlm.132

^{38.} Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.354 - 355

kriteria-kriteria yang sempurna sebagai syarat penting untuk melayakkan seseorang membuat pinjaman pada Shara^c.

(1) Layak Berurusniaga. (*Ahlīyyah al-Mu‘āmalah*)

Orang yang layak menjalankan urusniaga ialah orang yang sah melakukan mu‘amalah mengikut hukum Shara^c. Sekalipun orang buta, mereka tetap sah menjalankan urusniaga dan boleh meminjam. Melainkan jika mereka itu disekat (*mahjūr calaih*) oleh pihak yang berkuasa ke atas diri mereka, seperti juga orang yang ditahan kerana *safīḥ*.³⁹

Jika seseorang peminjam itu didapati lebih cenderung untuk membelanjakan wang pinjaman itu ke dalam urusniaga maksiat, maka haram meminjamkan wang kepadanya. Seterusnya jika peminjam itu suka menggunakan wang pinjaman itu untuk urusniaga yang makruh, maka makruhlah meminjamkan wang itu kepadanya.⁴⁰

(2) Mampu Membayar. (*al-Qudrah և Alla al-Wafa'*)

Setiap mereka yang hendak meminjam mestilah dipastikan bahawa mereka adalah orang yang mampu membayar kembali pinjaman. Sekiranya orang yang hendak meminjam itu didapati lemah atau tidak mampu membayar pinjaman, maka tidak harus menunjukkan hartanya itu kepadanya, bahkan sebaiknya ialah pemutang menyembunyikan hartanya itu dari pengetahuan mereka. Wa laubagaimanapun,

^{39.} Al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.118.

^{40.} Ibid., hlm.117.; al-Ghamrāwī, op. cit., hlm.211.

sekiranya seorang peminta sedeqah datang kepadanya, maka hendaklah ia mengeluarkannya ketika orang itu memintanya.⁴¹

Anak-anak Yatim dan Kanak-kanak.

Anak-anak yatim dan kanak-kanak harus meminjam untuk kepentingan mereka jika ada walinya atau wasinya yang boleh menguruskannya. Tetapi bagi imam al-Qadi mengatakan, jika tiada alasan darurat untuk mereka meminjam atau pinjaman biasa yang tidak diperlukan oleh mereka, maka semua bentuk pinjaman seperti itu adalah batal. Kemudian imam al-Subki mengesahkan di atas tegahan wali atau wasi meminjam harta bagi pihak anak-anak yatim dan kanak-kanak itu. Sekiranya mereka meminjam kerana darurat atau terpaksa, maka orang yang memberikan pinjaman itu mestilah orang yang senang dan amanah.⁴²

Orang Yang Muflis.

Orang yang telah diisyiharkan sebagai muflis diharuskan memohon pinjaman, kerana orang yang muflis itu masih mampu mengurus harta. Sekalipun orang yang muflis disekat dari berurusniaga, tetapi yang disekat itu ialah hartanya, bukan pada batang tubuhnya. Diri orang yang muflis tidak disekat dari berjualbeli, sewa menyewa dan termsuklah meminjam atau berhutang. Tetapi ada sebahagian kecil ulama yang tidak mengharuskan seorang yang muflis itu melakukan urusniaga, seperti sekatan ke atas diri orang yang safīh.⁴³

^{41.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.117.

^{42.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.118.

^{43.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.160.; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.413.

Kerana itu seseorang yang memohon pinjaman, kemudian selepas itu ia jatuh muflis, sedangkan harta pinjaman itu masih ada di tangannya, maka pemutang boleh merujuknya semula dengan menuntut pinjaman yang telah diberikannya itu. Kerana RasūluLlāh s.‘a. w. telah bersabda yang maksudnya;

*Sesiapa mendapati hartanya masih ada pada seseorang yang telah jatuh muflis, maka dia lebih berhak dengan harta itu.*⁴⁴

Orang Yang Banyak Hutang (*al-Gharīm*):

Orang yang banyak hutang, lebih utama ia meminjam dari mengambil sedekah, jika ia mampu membayar pinjaman itu. Tetapi tidaklah semestinya ia meminjam, sekiranya ia bimbang tidak mampu membayar pinjamannya itu nanti, kerana orang yang banyak hutang itu hidupnya sentiasa terikat dengan hutang keliling pinggang; ia tidak memiliki harta lebih dari hutangnya, atau ia ada harta tetapi di tangan orang lain yang ia tidak boleh mengambilnya.⁴⁵

Meminjam Untuk Perbelanjaan hidup:

Seseorang itu diharuskan meminjam untuk perbelanjaan hidupnya yang wajib ditunaikan, seperti perbelanjaan yang wajib ke atas isteri dan anak-anaknya. Jika keadaan seseorang itu susah dan isterinya juga susah, si suami harus meminjam untuk perbelanjaan isteri dan anak-anaknya. Jika suami tidak ada atau pergi jauh, si isteri diharuskan meminjam bagi pihak suami untuk perbelanjaan hidupnya, tetapi bukan meminjam untuk membayar zakat fitrahnya. Zakat

^{44.} Muslim, op.cit., jld.3, hlm.1193; Majlis al-A‘la, *Mausūfah Jamāl ‘Abd. Nasīr Fi Fiqh al-Islāmī*, al-Qāhirah: Majlis al-A‘la, 1390H, jld.6, hlm.195.

^{45.} al-Majlis al-A‘la, op.cit., jil.6, hlm.177.

fitrahnya tetap tertanggung di atas suaminya, sedang belanja hidup jika terputus boleh memudaratkan atau menyusahkan isterinya, kerana itu si isteri diharuskan meminjam.

Sekiranya suami seorang yang susah, tetapi isteri seorang yang sabar, justeru isteri mengeluarkan perbelanjaannya sendiri atau dia terpaksa meminjam, maka wang yang dikeluarkan atau yang dipinjam itu menjadi hutang yang wajib dibayar oleh suami, sekalipun qadi tidak mengeluarkan perintah kepada suaminya demikian. Bahkan Muhammad al-Sharbini al-Khaṭīb berkata, jika si isteri tidak boleh menahan sabar, maka si isteri berhak menuntut fasakh dari suaminya,⁴⁶ firman Allah yang bermaksud;

*Maka hendaklah kamu pegang (isterimu itu) dengan
ma‘rūf atau kamu lepaskan dia dengan ihsān.⁴⁷*

(3) Rukun Ketiga: Lafaz *‘Aqad*

Lafaz *‘Aqad* ialah lafaz *ijāb* dan *qabūl*. Ijab iaitu aqad yang diucapkan oleh orang yang memberi pinjaman kepada orang yang meminjam dengan perkataan ijab seperti katanya; "aku pinjamkan kepada kamu wang ini" atau "aku permilikkan hartaku ini kepadamu dengan syarat kamu bayar semula gantinya", atau dengan katanya "kamu ambillah hartaku ini mengikut keperluanmu dan bayar kembali gantinya".⁴⁸

⁴⁶. Al-Khaṭīb, op.cit., jil.2, hlm.189.

⁴⁷. Surah *al-Baqarah*, ayat 229.

⁴⁸. Ibn. Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm. 48.

(1) Tidak Bertentangan *Ijāb* Dengan *Qabūl*:

Apabila perkataan *ijāb* diucapkan oleh orang yang memberi pinjaman kepada peminjam, maka mengikut *qadūl* yang lebih *usahah* daripada ulama fiqh, disyaratkan mesti dijawab dengan *qabūl*. Perkataan "*qabūl*" ialah kata "terima" yang diucapkan oleh peminjam, tetapi ucapan *qabūl* itu disyaratkan mestilah tidak bertentangan dengan *ijāb* yang telah diucapkan oleh pemberi pinjaman.⁴⁹

Jika sekiranya pemutang megucapkan kata ijabnya "*aku pinjamkan kepadamu wangku ini sebanyak ringgit Malaysia seribu*" lalu diterima oleh penghutang atau peminjam dengan kata qabulnya "*aku terima pinjaman wang ini sebanyak ringgit Malaysia lima ratus sahaja*". Maka lafaz qabul yang diucapkan oleh peminjam tersebut terbatal dan tidak sah, kerana bertentangan dengan kata ijab yang diucapkan oleh pemutang⁵⁰

Memberi Pinjaman Tanpa Lafaz:

Walaubagaimanapun, sebahagian ulama yang lain seperti imam al-Qadi dan imam al-Mutawalli berpendapat, bahawa lafaz ijab dan qabul tidak menjadi syarat dalam mu'amalah al-qard ini, bahkan jika sekiranya peminjam berkata "*berilah aku pinjaman sebanyak ini*", lalu si pemutang memberikan pinjaman tersebut itu kepadanya, atau kedua-dua mereka hanya bermu'amalah melalui wakil masing-masing, maka sahlah mu'amalah *al-Qard*.⁵¹

^{49.} Ibid., hlm. 117.

^{50.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.118.

^{51.} Ibid.; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.348.

Bagi imam al-Azraqī menjelaskan, bahawa pertemuan kedua-dua mereka antara pemutang dengan peminjam, adalah lebih baik dan lebih mengukuhkan ikatan perjanjian. Tetapi bagi imam Muhammad al-Sharbini sendiri pula menjelaskan; jika bentuk-bentuk mu^camalah *al-Qard* itu sah diqiyaskan kepada urusniaga jualbeli, maka sahlah mu^camalah *al-Qard* itu.⁵²

(2) Menyatakan Jumlah dan Bentuk Bayaran:

Jika sekiranya pemutang tidak menyatakan apa-apa lafaz *ijāb*, atau ada menyatakannya, tetapi tidak menerangkan dalam kata ijabnya itu harta ganti pinjaman yang mesti dibayar, maka pinjamannya itu akan menjadi "*hibah*" iaitu pemberian kebijakan biasa sahaja, bukan pinjaman. Kerana itu, lafaz *ijāb* yang diucapkan oleh pemutang, mestilah membawa maksud pinjaman dengan keterangan yang menjelaskan bentuk bayaran.⁵³

4.4. Rukun Keempat: Barang Pinjaman (*al-Mugrad Ilaih*):

Barang pinjaman ialah barang yang dipinjamkan kepada peminjam, iaitu barang yang disebut oleh pemutang dalam aqadnya sebagai "barang pinjaman" (*al-mugrad ilaih*) yang diberi kepada peminjam. Syarat-syaratnya:

^{52.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.118; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.348.

^{53.} Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.348.

(1) Hak Milik Pemutang:

Barang pinjaman tersebut mestilah menjadi hak milik pemutang yang dimiliki dengan cara yang sah mengikut hukum Shara^c, bukan diperolehi dengan cara menipu, mencuri, berjudi atau merompak atau dengan cara yang tidak halal. Barang tersebut mestilah boleh diserah kepada peminjam. Pinjaman hanya akan dianggap sabit menjadi barang pinjaman, jika barang tersebut sudah berada dalam pegangan peminjam.⁵⁴

Barang yang boleh diserah ialah barang yang ada ‘ain bendanya dan dalam kuasa tanggungannya. ‘Ain barang tersebut mestilah boleh diserah atau dipindah dari miliknya kepada peminjam, seperti wang, binatang-binatang ternakan atau bijiran yang sabit dalam pegangan pemutang. Adapun barang-barang yang tidak boleh diserah seperti hamba jariah yang susah dicari gantinya untuk membayarnya semula, maka tidak sah dijadikan barang pinjaman.⁵⁵

Walaubagaimanapun, terdapat juga sebahagian ulama yang mengharuskan hamba jariah itu dijadikan barang pinjaman, iaitu sama dengan hukum harus jual beli jariah. Pendapat ini berpegang atas dasar bayaran pinjaman yang wajib dibayar itu sah dibuat dengan hamba yang lain yang sama nilainya, atau dibayar dengan nilai harganya sahaja tanpa merujuk kepada nilai harga hamba yang lain. Tetapi menurut pendapat yang lebih kuat (*qaul al-azhar*) tidak harus meminjamkan hamba jariah.⁵⁶

^{54.} Ibid.

^{55.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.118 & 119.

^{56.} Ibid., hlm.119; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.350.

Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan hamba jariah harus dijadikan barang pinjaman, tetapi makruh. Harus kerana hamba itu merupakan harta yang boleh dijual beli dan dipermilik, hak pegangannya boleh diserah atau dipindah kepada orang lain. Makruh kerana hamba jariah itu sekalipun seperti barang yang boleh dijual beli tetapi ia adalah bani Adam.⁵⁷

Adapun harta tetap yang tidak boleh dialih seperti rumah dan tanah, menurut imam al-Mawardi tidak harus dipinjamkan, kerana harta tersebut tidak boleh diserah ainnya. Walaubagaimanapun, al-shaikh al-Sharbini al-Khatib dan al-shaikh Abu Zakaria al-Nawawi berpendapat; harus meminjamkan rumah, dengan syarat tidak melebihi separuh, atau hanya sebahagian kecil sahaja dari keseluruhan rumah tersebut, kerana rumah tersebut tidak boleh diserah dan tidak ada nilai barang yang sama untuk menjadi ganti bagi membayar nilai rumah yang dipinjamkannya itu.⁵⁸

Imam Malik dan imam Shafie'i sama-sama berpendapat harus meminjamkan hanya kepada hamba lelaki sahaja (*al-'abid*). Adapun hamba perempuan (*al-jariah*); tidak harus dan tidak sah, kerana meminjamkan hamba jariah bererti harus meminjamkan faraj. Melainkan jika hamba jariah itu dipinjamkan kepada muhrimnya atau kepada orang perempuan kaum yang sejenis dengannya. Asas permilikan hamba melalui pinjaman adalah permilikan yang sangat lemah dan tidak kukuh, kerana permilikan melalui pinjaman tidak boleh menghalang barang pinjaman itu kembali semula kepada pemilik yang asal yang memberikan pinjaman.⁵⁹

^{57.} Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.351.

^{58.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.119; Ibn Qudāmah, op.cit.,jld.4, hlm.353.

^{59.} al-Malīkī, hlm.95.

Hamba perempuan tidak harus dijadikan barang pinjaman kerana hamba perempuan yang dipinjamkan itu tidak boleh diwati'. Oleh sebab tidak boleh diwati', maka kerana itu ia tidak boleh dipinjamkan. Sekiranya hamba jariah itu harus dipinjamkan, maka tidak ada yang boleh menghalang peminjam dari mewati'nya., Setelah hamba jariah itu diwati', ia akan dikembalikan semula kepada tuannya, kemudian apabila seseorang itu berhajat untuk melakukan wati' ia akan meminjamnya sekali lagi, selepas dia mewati'nya lalu dikembalikannya semula kepada tuannya sama seperti sedia kala ketika ia meminjamnya dahulu. Kerana itu hamba jariah tidak boleh dijadikan barang pinjaman.⁶⁰

(3) Barang Yang Boleh disukat, ditimbang atau dibilang:

Ibn Qudāmah mengharuskan setiap barang yang boleh disukat, ditimbang atau dibilang menjadi barang pinjaman, pendapat tersebut sama dengan pendapat imam Shafī'i. Tetapi bagi imam Hanafi tidak mengharuskan setiap barang yang disukat, ditimbang itu dijadikan sebagai barang pinjaman, kerana apabila barang tersebut terdiri dari barang yang tidak boleh disukat dan tidak boleh ditimbang, bagaimanakah mencari barang yang sama sebagai ganti pinjaman tersebut yang wajib dibayar oleh peminjam atas sebab ia tidak boleh disukat atau ditimbang yang menjadi ukuran kepada peminjam untuk membayarnya nanti.⁶¹

^{60.} Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.351

⁶¹ Ibn Qudāmah, op.cit., t., jld'.4, hlm.350.

Barang-barang Permata:

Imam Abu Hanifah tidak mengharuskan barang-barang permata dijadikan barang pinjaman, kerana barang permata itu adalah barang yang tidak boleh disukat dan juga tidak boleh ditimbang. Maka kerana itu ia tidak ada ganti yang sama yang boleh dicari untuk membayar semula permata yang dipinjam. Walaubagaimanapun, imam al-Qādī mengharuskannya dan ia boleh dibayar dengan nilai harganya sebagai ganti pinjaman; Bagi al-Qādī setiap barang yang tidak boleh disukat atau ditimbang ia tidak boleh dicari gantian yang sama, maka pinjamannya hendaklah dibayar dengan nilai harganya.⁶²

Meminjamkan Makanan Roti:

Roti atau ibu roti adalah jenis makanan yang boleh ditimbang. Ada beberapa pendapat tentang meminjamkan makanan yang boleh ditimbang seperti roti. Ibn Qudāmah, Abu Qalabah dan imam Malik menghukumkan harus meminjamkan roti, Ibn Qudāmah mengatakan roti harus dipinjamkan kerana ia boleh ditimbang beratnya dan peminjam hendaklah membayarnya nanti dengan timbangan yang sama beratnya. Tetapi jika roti itu dipinjamkan dengan cara membilang banyaknya, maka peminjam hendaklah membayarnya dengan jumlah bilangan roti yang dipinjamnya.⁶³

⁶² Ibid.; al-Khayrī, *al-Mughnī al-Muhtāj*, op.cit., jld.2, hlm.118 &119

⁶³ Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.353.

Bagi Abu Ja^cfar ada dua pendapat:⁶⁴

Pertama:

Roti itu tidak harus dibayar mengikut bilangan, kerana makanan seperti roti boleh dibayar mengikut berat timbangannya. Maka semua mu^camalahnya sama dengan barang-barang yang diurusniaga dengan cara timbang.

Kedua:

Harus membayarnya mengikut banyak bilangan, sekiranya setiap buku roti tersebut itu hampir sama timbagannya. Walaubagaimanapun, Abu Ja^cfar menegaskan bahawa dia lebih suka mu^camalah meminjamkan makanan mengikut timbangan seperti roti.

Adapun ibu roti adalah barang yang susah untuk dicari ganti yang sama, kerana nilai atau sifatnya tidak sama antara satu sama lain. Maka kerana itu ibu roti tidak boleh dijadikan barang pinjaman, setiap ibu roti tidak mungkin boleh menjadikan roti yang sama kembangnya antara satu roti dengan roti yang lain apabila dibakar. Samalah juga dengan ibu susu, setiap satu ibu susu tidak mungkin boleh menjadikan susu masam yang sama masamnya antara satu susu dengan susu yang lain apabila ia diperam.⁶⁵

Sebahagian ulama yang lain pula mengharuskan pinjaman ibu roti dan ibu susu, kerana meminjamkan makanan seperti roti dan ibu roti pernah berlaku di zaman RasūluLlāh ᷱ. Saidatuna ՚Aishah ᶻ. pernah meriwayatkan, bahawa beliau bertanya kepada RasūluLlāh ᷱ.; "Wahai RasūluLlāh, sesungguhnya jiran

⁶⁴. Ibid..

⁶⁵. al-Khatib, op.cit.jld.2, hlm.119.

hendak meminjam roti dan ibu roti, mereka ada yang membayar lebih dan ada juga yang membayar kurang", jawab RasuluLlah; "Tidak mengapa". Ini menunjukkan bahawa RasuluLlah s.a.w. mengharuskannya, kerana yang demikian itu adalah sebahagian dari kehalusan budi seseorang, bukan bermaksud mencari tambahan kepada riba *al-Fadl*. Tetapi jika disyaratkan supaya pinjamannya itu dibayar lebih, maka hukumnya haram.⁶⁶

Bagi imam Abu Hanifah, roti tidak harus dijadikan barang pinjaman dan pendapat beliau ini adalah pendapat yang lebih kuat (الأصح). Tetapi imam Ahmad mengharuskan pinjaman roti, kerana ia adalah satu keperluan umum dan sudah menjadi kebiasaan di kalangan masyarakat. Kerana itu ia menjadi pilihan hukum harus oleh Ibn al-Šibāgh dan juga beberapa ulama yang lain. Keharusan tersebut berdasarkan bahawa barang yang boleh ditimbang dan disukat harus dijadikan barang pinjaman, sedangkan roti adalah makanan yang boleh dibayar megikut berat timbangannya.⁶⁷

Jelas Disebut Jumlah Pinjaman

Syarat barang yang hendak dipinjamkan mestilah diketahui dengan jelas jumlah barang yang menjadi pinjaman itu. Peminjam berhak mengetahui atau berhak diterangkan jumlah banyaknya kadar pinjaman yang diterimanya, Sekiranya pemberi pinjaman itu mengatakan, "aku pinjamkan kepadamu wang secukupnya", tanpa menyebut dengan jelas jumlah wang yang dipinjamkan, maka hukumnya tidak sah.⁶⁸

^{66.} Ibid.; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.353 - 354.

^{67.} Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *al-Talkhīs al-Habīr*, Miṣr: Dār al-Fikr, jld.9, hlm.364 & 365.

^{68.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.119.

5. KONTRAK PERJANJIAN AL-QARD AL-HASAN

5.1. Menulis Surat Perjanjian Hutang:

Allah s.w.t. telah menjelaskan bahawa setiap mu'amalah hutang hendaklah ditulis dalam surat perjanjian hutang seperti firmanNya yang bermaksud;

Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu berhutang piutang dengan hutang yang bertangguh pada suatu masa yang ditentukan, maka hendaklah kamu menulisnya. Dan hendaklah penulis dari kalangan kamu itu menulisnya dengan benar. Dan janganlah ia enggan menulisnya sebagaimana yang telah diberitahu oleh Allah kepadanya. Oleh itu, hendaklah ia menulisnya. Sipeminjam pula hendaklah membaca isi surat perjanjian pinjaman itu, kemudian bertaqwalah kepada Allah yang menjadi Tuhanmu, dan janganlah ia mengurangi sedikitpun dari pinjamannya itu. Jika sipeminjam itu seorang yang safih (bodoh) atau lemah anggotanya atau ia seorang yang tidak boleh membacanya, maka perjanjian itu hendaklah dibacakan oleh walinya dengan jujur. Dan lantiklah dua orang lelaki dari kalangan kamu menjadi saksi, Jika tidak ada dua saksi lelaki, lantiklah seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan dari mereka yang kamu redai supaya jika yang seorang lupa maka yang seorang lagi akan mengingatkannya.⁶⁹

Imam Sarakhsī menjadikan perjanjian bertulis sebagai satu syarat yang perlu, supaya jika berlaku sesuatu masalah boleh dirujuk kepada surat perjanjian tersebut. Tujuan surat perjanjian itu dibuat ialah untuk menyediakan bukti pinjaman atau hutang yang jelas dan kukuh. Oleh itu ia mestilah ditulis dengan terang tanpa sebarang keraguan yang mungkin timbul kemudian.⁷⁰

^{69.} Surah *al-Baqarah*, ayat 282.

^{70.} Sarakhsī, *Bidāyat al-Mujtahid*, Miṣr: Matba'ah al-Sa'ādah, (t.t.), Jld.2, hal.212.

5.2. Perintah Membaca dan Memahami Isi Perjanjian Hutang:

Berdasarkan firman Allah (*al-Baqarah*, ayat 282) yang telah disebutkan di atas itu, Allah s.w.t. memerintahkan segala apa yang ditulis dalam surat perjanjian tersebut hendaklah dibaca oleh peminjam, sehingga ia benar-benar dapat memahami butir-butir pinjaman yang telah dipersetujuinya dengan jelas. Kedua belah pihak, peminjam dan pemutang dilarang samasekali menambah atau mengurang, meminda atau memadam segala apa yang sudah tertulis dalam surat perjanjian yang telah dipersetujui bersama, melainkan kedua belah pihak bersetuju untuk meminda isi surat perjanjian tersebut.

Peminjam, wajib memahami setiap isi yang termuat dalam surat perjanjian yang ditandatanganinya itu, supaya tidak berlaku sebarang kekeliruan yang boleh menimbulkan perbalahan. Sekiranya peminjam itu tidak boleh atau tidak mampu membacanya kerana ia tidak tahu membaca atau kerana akalnya lemah, maka penjaganya atau walinya hendaklah diminta supaya membacakannya dengan jujur, iaitu tidak menyembunyikan samasekali apa yang termaktub dalam surat perjanjian itu. Adalah berdosa sekiranya wali atau penjaganya itu cuba menyembunyikan sesuatu perkara yang ada dalam surat perjanjian tersebut dari pengetahuan peminjam.

5.3. Perintah Mengadakan Saksi Perjanjian Hutang:

Surat perjanjian mestilah mempunyai kekuatan untuk dipercayai kebenarannya. Maka kerana itu setiap surat perjanjian mestilah disaksikan oleh dua orang lelaki yang adil, amanah dan waras akal fikirannya. Saksi boleh juga dilantik dari seorang lelaki dengan dua orang perempuan yang dipersetujui oleh

kedua belah pihak mengikut hukum al-Quran berdasarkan ayat 282, Surah al-Baqarah yang telah disebutkan.

Tujuan mengadakan saksi ke atas surat perjanjian pinjaman, supaya jika salah seorang saksi lupa, maka saksi yang lain boleh mengingatkannya. Sekiranya saksi-saksi tersebut diminta supaya memberi keterangan tentang surat perjanjian, maka hendaklah ia menunaikan tanggungjawab itu dengan sebenarnya. Ia tidak boleh menolak bila dipanggil untuk diminta memberi keterangan di atas persaksianya, sebagaimana maksud firman Allah s.w.t.;

Janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil untuk memberi keterangan.⁷¹

5.4. Perintah Menulis Peringatan Urusniaga Hutang.

Allah s.w.t. menetapkan jika urusniaga itu melibatkan hutang atau pinjaman, maka surat perjanjian *al-Qard* hendaklah dibuat dengan cara bertulis, samada ia melibatkan pinjaman yang kecil lebih-lebih lagi pinjaman yang melibatkan wang yang besar atau banyak. Allah s.w.t. berfirman yang maksudNya;

Dan janganlah kamu jemu menulis surat pinjaman itu, samada pinjaman itu kecil atau besar sehingga sampai batas waktu membayarnya, kerana yang demikian itu lebih adil di sisi Allah s.w.t. dan lebih menguatkan persaksian serta lebih dekat kepada tidak menimbulkan keraguanmu.⁷²

⁷¹. Surah al-Baqarah, ayat 282.

⁷². Ibid..

Urusniaga Tunai:

Adapun urusniaga yang tidak melibatkan hutang atau pinjaman, tidaklah wajib mengadakan surat perjanjian, kerana butiran maklumat berkenaan urusniaga tersebut jelas di hadapan mata kedua belah pihak pada ketika urusniaga berjalan. Allah s.w.t. telah menjelaskan tidaklah menjadi kesalahan dosa jika urusniaga tunai itu tanpa surat perjanjian. Hal tersebut dapat dilihat dari firman Allah s.w.t. yang bermaksud;

*(Tuliskan mucamalah itu), kecuali jika mucamalah itu
perniagaan tunai yang kamu jalankan di antara kamu,
maka tidak ada dosa ke atas kamu jika kamu tidak
menulisnya.⁷³*

Pendapat Ulama Tentang Menulis Surat Perjanjian Hutang:

Berdasarkan firman Allah s.w.t dalam Surah al-Baqarah, ayat 282 yang telah disebutkan sebelum ini, maka hukum menulis surat perjanjian keatas sesuatu pinjaman adalah seperti berikut:

Ibn Jarīr al-Tabarī:

Beliau berpendapat bahawa ayat-ayat seperti yang telah disebutkan di atas itu, adalah merupakan nas yang memerintahkan, setiap pembiutang hendaklah menulis surat kontrak perjanjian pinjaman, tanpa mengira samada pinjaman

^{73.} Ibid..

tersebut, dibuat kerana melibatkan pinjaman perniagaan mencari untung, atau pinjaman kebajikan (*al-Qard al-Hasan*) yang hanya untuk menolong, bukan mengambil untung.

Tujuan menulis surat perjanjian pinjaman, ialah untuk mengelak dari berlaku perselisihan dan pertengkaran disebab oleh pinjaman yang tidak ada surat bertulis, atau ada surat bertulis tetapi isi perjanjiannya tidak jelas, iaitu tidak menerangkan jumlah pinjaman, tidak menerangkan cara membayar pinjaman dan tidak menerangkan tempoh pinjaman, maka surat seperti ini akan membawa perselisihan yang buruk antara pemutang dengan peminjam.⁷⁴

Ibn Juraij:

Ibn Juraij pula berpendapat bahawa;

*Sesiapa meminjam, maka hendaklah ia menulisnya, dan
sesiapa yang bermiaga, hendaklah ia mendatangkan
saksi.*⁷⁵

Bagi Ibn Juraij, sesiapa sahaja yang membuat pinjaman, maka wajiblah ia menulis surat perjanjian pinjaman. Kemudian sesiapa yang meminjam untuk tujuan bermiaga, maka wajiblah ia menulis surat perjanjian pinjaman bermiaga dan mendatangkan saksi di atas perjanjiannya itu.

^{74.} al-Tabarī, *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wil al-Qur'ān*, Misr: Tiba' al-Bulaq, 1339H., jld.3, hal.377.

^{75.} Ibid.

Ulama-ulama lain pula berpendapat bahawa;⁷⁶

Hukum menulis surat perjanjian adalah sunat, jika peminjam itu daripada orang yang bersifat jujur, sunat untuk menjaga harta supaya terpelihara dari penipuan. Di samping itu juga ia bertujuan untuk menghilangkan segala bentuk keraguan.

5.5. Format Surat Perjanjian Al-Qard Al-Hasan:

Sebahagian daripada institusi kewangan, samada bank, institusi kewangan dan kopersai Islam, telah menyediakan satu format borang perjanjian hutang, serta senarai syarat-syarat dan dokumen-dokumen peminjam, untuk dipenuhi oleh mereka yang memohon pinjaman. Walaupun bentuk format serta syarat dan dokumen yang dikehendakki itu berbeza-beza antara sebuah bank, institusi kewangan dan koperasi Islam, namun yang penting, isi dan keperluan surat perjanjian pinjaman tersebut bolehlah dikira sebagai suatu kekuatan yang dapat mengikat pihak-pihak yang terlibat dengan hak-hak dan tanggungjawab yang mesti dipatuhi.

Pada asasnya, semua maklumat penting yang berkaitan dengan rukun pinjaman al-Qard al-Hasan telah dipatuhi, seperti maklumat pembiutang dan peminjam, maklumat barang pinjaman dan tempoh bayaran pinjaman. Begitu juga beberapa syarat yang asas dalam rukun al-qard, seperti penjamin dan saksi, bayaran pendahuluan dan cagaran, Takaful dan bayaran baki beza pinjaman

^{76.} Ibid.

sekiranya ada, keseluruhannya tidaklah terdapat perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum Mu'amalat Islam.

6. MASALAH MEMOHON PINJAMAN.

Masalah memohon pinjaman kebanyakannya bukan masalah hukum, kerana semua institusi yang menjalankan mu'amalah Islam sentiasa merujukkan masalah operasinya, kepada ahli-ahli Penasihat Shari'ah atau ahli-ahli Majlis Pengawasan Shari'ah yang mereka lantik untuk institusi mereka masing-masing. Tetapi masalah yang sering ditimbulkan ialah masalah bayaran pinjaman campur kos perkhidmatan yang tinggi, lambat proses permohonan, banyak syarat untuk melayakkan permohonan; Pegawai atau kakitangan yang kurang kesahaman dengan produk yang mereka tawarkan kepada pelanggan, penerangan yang tidak lengkap dan tidak jelas kepada pelanggan, sehingga pelanggan terpaksa datang berulang-ulang kali untuk hanya satu urusan pinjaman.⁷⁷

Kenapa syarikat kewangan konvensional boleh memproses permohonan dengan masa yang singkat. Dari mula mengisi borang, hingga ke menandatangani perjanjian, hanya dalam tempoh tidak sampai seminggu, semua urusan beres dan lulus. Sebaliknya, syarikat kewangan Islam tanpa riba, memerlukan masa tidak kurang dari sebulan, dengan berkali-kali pelanggan dipanggil untuk melengkapkan dokumen, meminta bayaran caj yang dikenakan dan akhirnya barulah menandatangani perjanjian pinjaman.⁷⁸

⁷⁷. Kertas Soal selidik ke atas pelanggan BIMB Jln. Raja Laut dan SPTF Bank Rakyat, Februari, 1996.

⁷⁸. Kertas Soal selidik ke atas pelanggan ABRAR Finance (M) Bhd. dan Credit Corporation (M) Bhd. (CCM) pada June, 1996.

Pada umumnya, format perjanjian pinjaman *al-Qard al-Hasan*, tidak jauh berbeza dengan pinjaman riba. Dalam kes seorang telah membuat dua pinjaman yang berbeza; Pinjaman pertama menggunakan pinjaman konvensional riba, pinjaman kedua membuat pinjaman mu'amalah tanpa riba. Apabila ditanya; Apakah perbezaan antara kedua-dua bentuk pinjaman yang dibuatnya?. Manakah satu urusan yang lebih mudah dan lebih disukainya?, atau manakah yang lebih baik?⁷⁹

Maka jawapan yang diberikan; "urusan pinjaman konvensional lebih mudah, kalau ikut hati dia lebih suka dengan konvensional, tidak perlu banyak dokumen, lulus cepat dan faedahnya rendah. Tetapi oleh kerana pinjaman tersebut mengamalkan riba, maka kerana itu saya terpaksa memindahkannya kepada pinjaman cara Islam. Tetapi bayaran balik pinjamannya mahal, kelulusannya lambat dan cerewet, minta dokumen macam-macam, surat majikan, borang cukai pendapatan, tiga bulan slip gaji, salinan Kad Pengenalan, begitu juga kepada isteri dan juga penjamin. Sedangkan pinjaman konvensional tidak meminta semuanya itu melainkan salinan kad pengenalan sahaja, tidak perlu saksi dan tidak minta penjamin, jaminan hanya pada barang sekiranya ada gadaian. Kalau yang berbeza itu katakanlah pada aqad, maka tidak ada aqad yang jelas dilakukan antaranya dengan pihak finance yang dikatakan menjalankan sistem Islam itu. Oleh itu, ia tidak nampak apakah perbezaan sebenar antara konvensional yang riba itu dengan mu'amalah Islam yang tidak riba".⁸⁰

⁷⁹ Temubual dengan seorang pelanggan Credit Corporation (M) Bhd.(CCM); dan Bank Rakyat pada June, 1996.

⁸⁰ Temubual dengan pelanggan CCM dan Abrar Finance, June, 1996.

7. SKIM AL-QARD AL-HASAN MENJADI AKTIVITI PENTING DALAM KOPERASI ISLAM.

Amalan memberikan skim al-Qard al-Hasan, adalah menjadi amalan seluruh koperasi-koperasi Islam yang beroperasi secara mu'amalah Islam, sekalipun koperasi-koperasi tersebut mempunyai kemampuan yang sangat terbatas berbanding dengan syarikat kewangan daripada bank yang lain.

Memang menjadi tujuan koperasi ialah untuk menolong ahli-ahlinya bila menghadapi kesulitan kewangan. Tetapi dalam kes seorang ahli koperasi Islam (maklumat rahsia) yang memohon pinjaman al-Qard al-Hasan untuk membayar 10% harga rumah, terpaksa menunggu hampir satu tahun untuk diluluskan yang ia menjadi ahlinya, cukup syarat sebagai ahli yang lama, memiliki saham lebih RM1,000.00. Tetapi terpaksa menunggu gilirannya begitu lama untuk mendapatkan pinjaman wang bagi membayar pendahuluan 10% rumah yang dibelinya dari pihak pemaju. Akhirnya pelanggan tersebut terpaksa juga berhutang dari pihak lain dan berjanji akan membayarnya dengan pinjaman dari koperasi apabila permohonannya diluluskan oleh koperasi.⁸¹

Dalam kes yang tersebut di atas itu, pelanggan yang menghadapi kesulitan wang telah mendapat dua masalah semata-mata untuk menyelesaikan satu masalah, masalah asal hanya untuk membayar pendahuluan rumah. Tetapi terpaksa membuat dua pinjaman, kedua-duanya memerlukan syarat-syarat dan dokumen-dokumen tertentu yang mesti diadakan oleh peminjam. Kedua-dua terikat dengan akuan janji bayaran, jumlah bayaran, tempoh bayaran, kos dan caj perkhidmatan.

⁸¹ Temubual dengan seorang ahli salah sebuah koperasi Islam, KL, pada 5hb. 7, 1995.(nama koperasi dan pelanggan minta dirahsiakan).

Kedua-duanya melibatkan orang lain untuk menjadi penjamin dan saksi, bahkan tindakan undang-undang jika berlaku keingkaran peminjam membayar dan kedua-duanya juga melibatkan urusan guaman. Semua yang tersebut itu menyusahkan peminjam bahkan menambahkan lagi bebanan yang sudah sedia ada.

Dalam kes tersebut, mungkin koperasi telah membuat pertimbangannya sendiri. Tetapi pertimbangan lain juga harus diberikan; **Pertama**, berdasarkan sejauh mana keperluan peminjam yang sangat terdesak, sehingga tidak ada jalan lain untuk ia menyelesaikan masalahnya, kecuali dengan koperasi yang ia menjadi ahlinya. **Kedua**, ialah dengan merujuk kepada banyak mana saham yang telah dimasukkannya. **Ketiga**, sekiranya koperasi dapat menolongnya, dengan mencarikan pembiutang sukarela dari golongan yang berada dan koperasi sendiri menjadi penjaminnya. Cara tersebut mungkin rumit, tetapi boleh menyelamatkan ahli dari membuat dua pinjaman untuk menyelesaikan satu tuntutan.

8. DOKUMEN MEMOHON PINJAMAN.

Sebenarnya pelaksanaan Skim Perbankan Tanpa Faedah, kebanyakannya hanya mengubah suai format pinjaman sistem konvensional yang sedia ada. Kerana itu, pelanggan terutamanya yang memahami urusniaga Mu'amalat Islam, mendapati perbandingan yang ketara antara perkhidmatan urusniaga Mu'amalah Islam dengan sistem konvensional dahulu, dari segi kos, keuntungan atau faedah, kecekapan dan kaedah pemprosesan permohonan. Ada yang berpendapat urusan Skim Perbankan Tanpa Faedah terlalu rumit, banyak sangat dokumen-dokumen yang mesti disediakan oleh pemohon sebelum pinjaman mereka diluluskan yang dianggap terlalu menekan atau membebankan mereka, tidak seperti pinjaman riba yang urusannya dikira mudah.

Antara dokumen-dokumen yang perlu dilengkapkan oleh peminjam:⁸²

- 1) 3 salinan kad pengenalan pemohon,
- 2) 2 salinan kad pengenalan isteri atau suami pemohon,
- 3) 2 salinan penyata gaji/pendapatan (3 bulan terakhir) pemohon dan isteri (jika bekerja),
- 4) 1 salinan cukai pendapatan (Borang J/EA) pemohon dan isteri pemohon jika bekerja,
- 5) 1 surat pengesahan jabatan atau tempat kerja pemohon dan isteri jika bekerja,
- 6) 1 salinan sijil kelahiran - (POLIS),
- 7) 1 salinan surat rasmi pengesahan tamat tempoh perkhidmatan (TENTERA),
- 8) Surat kebenaran memotong gaji daripada pemohon,
- 9) 1 salinan buku akaun bank pemohon,
- 10) 1 set Borang Biro Angkasa yang sudah lengkap diisi bagi kakitangan kerajaan untuk potongan gaji pemohon,
- 11) Surat pengakuan hutang pemohon daripada institusi kewangan lain dari yang dimohon,
- 12) 1 salinan lesen memandu (jika berkenaan).

Demikianlah dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan, bukan sahaja kepada pemohon pinjaman, tetapi juga kepada isteri pemohon sekiranya isteri bekerja. Dokumen-dokumen tersebut juga perlu dilengkapkan oleh suami sekiranya permohonan dibuat oleh isteri, begitu juga kepada orang yang menjadi penjamin pinjaman. Dokumen yang lengkap adalah

⁸²

Lihat Lampiran (10) Senarai Dokumen Permohonan Pinjaman SPTF

penting, samada yang bekerja dengan kerajaan atau badan-badan berkanun ataupun yang bekerja dengan pihak swasta. Bahkan pihak swasta juga memerlukan lebih banyak dokumen, selain dari dokumen yang disebut di atas itu, syarikat kewangan memerlukan penyata bank pemohon untuk 6 bulan tarakhir, serta surat kebenaran potongan gaji dari pihak majikan.⁸³

Pelanggan bukan sahaja tertekan dengan permintaan dokumen yang terlalu banyak, tetapi juga tertekan dengan permintaan ke atas penjamin-penjaminnya dengan dokumen-dokumen yang tidak kurang banyaknya. Hal ini boleh melonggokkan bebanan dan tekanan perasaan ke atas pelaggan. Terlalu sukar bagi pelanggan untuk mencari orang yang betul-betul sanggup untuk menjadi penjamin dan bersedia membantu untuk memberikan dokumen-dokumen seperti yang diminta, antaranya ialah yang disebutkan di bawah ini:⁸⁴

Dokumen yang mesti dilengkapkan oleh seseorang **penjamin:**

- 1) 1 salinan Kad Pengenalan penjamin
- 2) Penyata gaji asal penjamin
- 3) 1 salinan penyata cukai pendapatan penjamin (Borang J/EA/EC)
- 4) Surat Pengesahan Jawatan penjamin
- 5) Surat kebenaran potongan gaji penjamin dari majikan
- 6) Surat pengesahan tarikh tamat perkhidmatan penjamin (TTP)
- 7) 1 salinan Surat Beranak atau Surat Pengesahan Tarikh Lahir dari majikan.
- 8) Borang Biro Angkasa yang sudah dipenuhi oleh penjamin (bagi kakitangan kerjaan) untuk dipotong gaji sekiranya peminjam gagal untuk membayar pinjamannya.

^{83.} Risalah penerangan (brosur) yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat ketas pemohon pinjaman dan soal selidik sebuah syarikat kewangan berlesen yang menawarkan pinjaman tanpa faedah.

^{84.} Ibid.

Dokumen-dokumen yang disebutkan itu, merupakan suatu keperluan yang diminta oleh salah sebuah bank yang melaksanakan skim pinjaman tanpa riba mengikut hukum Islam. Berbanding dengan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh institusi kewangan konvensional, tidak banyak membebankan pelanggan pinjamannya, mereka hanya memerlukan sedikit dokumen sahaja.⁸⁵

Dokumen yang berikut ini, mesti dilengkapkan oleh pemohon pinjaman konvensional (riba):

- 1) 1 salinan Kad Pengenalan pemohon,
- 2) Surat pengesahan kerja dari jabatan atau tempat kerja pemohon,
- 3) Penyata gaji pemohon.

9. KEGAGALAN MEMBAYAR PINJAMAN.

Institusi kewangan yang menjalankan dua sistem kewangan Islam serta konvensional, seharusnya menyemak semula kenapakah syarat-syarat tersebut jauh berbeza antara sistem Islam dengan konvensional, sehingga boleh menimbulkan sedikit tanggapan yang kurang baik ke atas sistem Mu'amalat Islam itu sendiri. Apakah yang menyebabkan institusi kewangan Islam itu begitu cemas sehingga membebangkan pelanggannya dengan syarat dan dokumen yang bertimbun-timbun.

Sekiranya pelanggan sanggup meletakkan cagaran pinjamannya dengan tanah, rumah, kereta atau sijil saham, maka pemutang (vendor) tidak sewajarnya takut dan bimbang dengan penyelewengan atau kehilangan wang yang telah dipinjamkan. Kerana jika sekiranya peminjam menghadapi masalah pembayaran

^{85.} Brosur pinjaman konvensional dari BBMB Finance, May Bank Finance (MBF), Affin Finance Berhad dan Credit Corporation (M) Bhd.(CCM).

atau ingkar, maka Islam membenarkan pemutang melelong cagaran pinjaman untuk melunaskan hutangnya dan ini dibenarkan mengikut hukum Mu'amalah Islam.

Sebaliknya, tindakan melelong barang cagaran, hendaklah mengambil kira kebijakan yang paling maksimum boleh diberikan kepada peminjam, sesuai dengan prinsip ihsan, iaitu tujuan untuk menolong atau membantu pelanggan yang sedang menghadapi masalah kewangan. Dengan itu tindakan harus dilakukan mengikut peringkat yang telah ditetapkan, seperti:⁸⁶

- 9.1. Peringkat Peringatan (Remainder)
- 9.2. Peringkat Amaran (Warning)
- 9.3. Peringkat Tindakan (Action)
- 9.4. Melupuskan Hutang.

9.1. Peringkat Peringatan (Remainder):

Iaitu memberitahu kepada peminjam supaya mengambil langkah untuk membayar pinjamannya yang tertangguh itu dalam tempoh 14 hari. Jika sekiranya peminjam itu gagal untuk datang menyelesaikan bayaran hutangnya itu, dalam tempoh tersebut maka pemberi hutang bolehlah mengambil tindakan peringkat kedua.

^{86.} Temubual dengan pegawai pinjaman BIMB, Jln. Raja Laut, KL.; Unit SPTF May Bank, Menara May Bank, KL.; Jabatan Perbankan Mu'amalah, BBMB, KL; Unit SPTF, Bank Rakyat, Jln. Ipoh, KL.; Koperasi KOHILAL, Koperasi Muslimin, Jln. Pahang, KL. dan Al-Rahn, Kelantan dan Terengganu.

9.2. Peringkat Amaran (Warning):

Iaitu satu peringatan yang agak keras sedikit, supaya pelanggan segera menyelesaikan hutangnya yang tertangguh itu dalam tempoh 14 hari, di samping itu pelanggan diberitahu jika ia gagal untuk membayar hutangnya maka tindakan undang-undang akan diambil ke atas cagarannya. Jika sekiranya peminjam tersebut masih lagi gagal untuk membayar hutangnya pada masa yang ditetapkan, maka pemutang bolehlah mengambil tindakan peringkat terakhir.

9.3. Peringkat Tindakan Mahkamah (Action):

Iaitu memberi tahu peminjam agar membayar hutangnya itu mengikut yang telah dipersetujui, sekiranya pelanggan tersebut masih gagal untuk membayar hutang tersebut dalam tempuh 14 hari, maka pemutang akan menyerahkannya kepada peguam untuk diambil tindakan. Peguam pemutang (vendor) akan membawanya ke mahkamah bagi memohon keputusan mahkamah. Mahkamah akan mengisyiharkan pelelongan harta yang dicagarkan oleh peminjam. Mahkamah boleh memerintahkan supaya harta peminjam disita, atau ditahan oleh pegawai berkenaan sebagai sandaran bagi memenuhi tuntutan wajar plantif, sehingga perbicaraan dan tindakan itu dan penyelesaian apa-apa penghakiman yang mungkin dibuat terhadap dependan. Jika harta cagaran masih tidak dapat menyelesaikan hutang peminjam, maka mahkamah boleh mengisyiharkan peminjam sebagai muflis.⁸⁷

⁸⁷ Lembaga Penyelidikan Undang-undang, Debtors Act 1957 (Act 256), KL: ILBS, 1994, hal. 13, Sek. 19.

Walaubagaimanapun, sebagai ihsan dari pemutang, adalah dicadangkan barang tersebut hanya akan dilelong kepada keluarga pelanggan sahaja terlebih dahulu. Selagi barang tersebut belum laku dilelong, maka dalam tempuh tersebut pemilik diberi keutamaan untuk menebus barang yang akan dilelong itu. Sekiranya keistimewaan ini juga gagal diambil peluang oleh peminjam, maka pemutang (vendor) bolehlah melelong barang cagaran tersebut dan setelah ditolak jumlah pinjaman yang patut dibayar, maka pemutang hendaklah mengembalikan bakiya kepada peminjam, kerana baki tersebut adalah hak milik peminjam yang mesti dipulangkan kepadanya. Tetapi sekiranya harta yang dilelong itu tidak cukup untuk membayar hutangnya, maka perintah muflis boleh dijatuhkan ke atas peminjam.⁸⁸

Institusi pinjaman yang terlibat, samada Bank Islam, Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) di bank-bank konvensional mahupun syarikat-syarikat kewangan Islam seperti Abrar Finance Berhad atau koperasi-koperasi Islam seperti Kohilal, Koperasi Muslimin dan Koperasi Belia Islam (KBI), telah melaksanakan kaedah seperti yang telah disebut itu. Tetapi cara dan tempoh notis berbeza-beza antara sebuah institusi dengan institusi yang lain, potongan hutang dan pemulangan baki potongan tersebut didapati tetap mematuhi hukum-hukum Mu^camalāt Islam. Institusi *al-Rahn*, Kelantan, memberikan ihsan dengan memberi masa 3 bulan lagi peluang kepada pelanggan untuk menebus barang jaminan hutangnya (gadaian), al-Rahn Kelantan; Mengutamakan waris pelanggan dari orang lain, untuk menebus harta yang akan dilelong itu.⁸⁹

^{88.} Ibid.

^{89.} Temubual dengan Pengurus al-Rahn, Kelantan. Tuan Hj Abdul Aziz, pada 9hb. Jun, 1994.

9.4. Melupuskan Hutang:

Tindakan yang lebih baik mengikut Islam ialah melupuskan sahaja hutang yang gagal dibayar itu, bahkan bersedia memberikan kemaafan kepada peminjam yang benar-benar menghadapi kesulitan dan tidak mampu lagi untuk membayarnya. Kerana kalau hartanya dirampas, tentulah kehidupannya bertambah-tambah lagi susah. Allah berfirman yang maksudNya;⁹⁰

*Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran,
maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan, dan
bahawa kamu sedekahkan (sebahagian atau semua
hutang), itu lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahui.*

10. PRODUK AL-QARD AL-HASAN:

Produk yang berasaskan kepada mekanisme al-Qard al-Hasan belum diperkenalkan secara meluas. Institusi kewangan, bank dan finance, tidak begitu berminat untuk memberikan perkhidmatan al-Qard al-Hasan ini, alasannya ialah kerana bank berjalan atas asas perniagaan dan bertujuan untuk mencari keuntungan, sedangkan al-Qard al-Hasan tidak mendatangkan keuntungan untuk pendeposit bank. Oleh itu al-Qard al-Hasan menjadi produk yang banyak berlonggok ke atas koperasi-koperasi Islam sahaja. Antara produk al-Qard al-Hasan ialah seperti yang akan diterangkan berikut ini:

⁹⁰. Surah al-Baqarah, ayat 280.

10.1. Pinjaman Kebajikan dan Overdraf:

Setakat ini, hanya sebuah bank sahaja yang berminat untuk menawarkan perkhidmatan Skim *al-Qard al-Hasan* kepada pelanggannya, iaitu Jabatan Mu'amalat di Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB), itupun hanya diberikan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sahaja. Pada tahun 1993 AIM telah mendapat pinjaman di bawah Skim *al-Qard al-Hasan* berjumlah RM2 juta, pada tahun 1994 berjumlah RM3 juta dan tahun 1995 AIM mendapat Skim *al-Qard al-Hasan* berjumlah sebanyak RM4 juta. Semuanya dikeluarkan melalui kemudahan Overdraft, ini bererti di bawah prinsip *al-Qard al-Hasan* institusi kewangan boleh mengeluarkan dua produk, iaitu pinjaman kebajikan dan pengeluaran Overdraft mengikut hukum Islam.⁹¹

10.2. Pinjaman *Al-Rahn*:

Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) telah memberikan perkhidmatan *al-Rahn* dengan menggunakan prinsip *al-Qard al-Hasan*. Pelanggan yang datang mengadaikan barang emas mereka, akan diterima sebagai cagaran pinjaman yang diberikan kepada pelanggan tanpa faedah yang dikenakan. pinjaman tersebut diberi secara ihsan tanpa mengenakan apa-apa upah, peringkat awal semua perkhidmatan diberikan secara percuma, kemudian upah dikenakan juga ke atas borang permohonan sebanyak 50 sen. Oleh itu, keseluruhan perbelanjaan pejabat, perkeranian dan sebagainya ditanggung oleh Muassasah sendiri yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Terengganu.⁹²

^{91.} Temubual dengan Ketua Jabatan Perbankan Mu'amalah, BBMB, KL, pada 30 Julai, 1996, di Oriental Building, Kuala Lumpur. En. AbdulRashid Kadir.

^{92.} Temubual dengan Penolong Pengurus MGIT, pada 9/6/93

Pajak Gadai Islam al-Rahn, Kelantan pula menggabungkan perjalanan al-Rahn di bawah dua prinsip iaitu prinsip al-Qard al-Hasan dan al-Wadiah. Pinjaman yang diberikan kepada penggadai mengikut hukum al-Qard al-Hasan tanpa mengenakan apa-apa faedah, barang emas diterima sebagai cagaran dan disimpan dengan dikenakan upah simpan barang yang dicagarkan di bawah hukum Wadiyah.⁹³

10.3. Terbitan Pelaburan Kerajaan (GIC):

Bank Negara Malaysia sebagai Bank Pusat juga melaksanakan prinsip al-Qard al-Hasan melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan (GIC) serta pinjaman yang diberikan kepada bank-bank yang terikat di bawah Akta Bank Negara Malaysia. Semua bentuk pinjaman tersebut tidak dikenakan faedah semenjak tahun 1983 lagi.⁹⁴

Masalahnya, wajarkah caj perkhidmatan dikenakan ke atas Skim al-Qard al-Hasan, kerana istilah "al-Hasan" itu sendiri seolah-olah menyatakan bahawa pinjaman al-Qard al-Hasan adalah benar-benar herbentuk kebajikan; Maksudnya pemutang bersedia memberi pengorbanan sebagai suatu kebajikan yang bersih dari apa sahaja caj dan faedah. Walaubagaimanapun, caj keatas perkhidmatan yang diberikan tidak dianggap sebagai faedah riba, jika sekiranya caj tersebut benar-benar dibuat keatas kos pengurusan bukan keatas jumlah wang yang dipinjamkan, seperti caj yang dikenakan ke atas duti stamp, peguam, takaful, perkeranian dan

^{93.} Temubual dengan Pengurus al-Rahn, Kelantan, Tuan Hj. Abd. Aziz Md. Shariff, pada 12, Jun, 1993, Kota Bharu, Kelantan.

^{94.} Temubual dengan Tuan Hj. Rustam Mohd Idris, Ketua Unit Perbankan Islam, Bank Negara Malaysia. pada 23, Julai, 1996. KL.

pendaftaran nomine yang dibayar oleh peminjam lebih dari jumlah wang pinjaman yang diberikan kepadanya.⁹⁵

10.4. Pinjaman Pendidikan dan Kebajikan Am:

Adapun gerakan koperasi-koperasi Islam di Malaysia, seperti Koperasi Kohilal, Koperasi Muslimin dan Koperasi Belia Islam (KBI), tidak banyak mempelbagaikan produk pinjamannya yang berdasarkan prinsip al-Qard al-Hasan. Kohilal hanya mengadakan satu skim al-Qard al-Hasan kepada ahli-ahlinya dengan syarat memiliki saham tidak kurang RM200.00, setelah 6 bulan menjadi ahli, tiada terdapat hutang lain dalam koperasi dan mampu membayar balik bulanan tidak melebihi satu pertiga daripada pendapatan bersih.⁹⁶

Had pinjaman Skim al-Qard al-Hasan Kohilal ialah berjumlah RM2,000.00, tempoh bayaran balik dipilih dalam ketetapan seperti berikut:

Jumlah Permohonan (RM)	Tempoh	Bayaran Bulanan (RM)
a) 1,000.00	10 - 15 bulan	66.67 - 100.00
b) 1,500.00	10 - 15 bulan	100.00 - 150.00
c) 2,000.00	10 - 20 bulan	100.00 - 200.00


Sumber: Laporan Tahunan Kohilal Tahun 1994

Berikut statistik perkhidmatan Skim al-Qard al-Hasan yang telah diberikan kepada ahli-ahli KOHILAL:

^{95.} Temubual dengan Ketua Jabatan Perbankan Mu'amalat, Bank Bumiputera Malaysia Berhad, di Oriental Building, KL, pada 30, Julai, 1996

^{96.} Sila rujuk **Lampiran (11): Borang dan Keterangan Skim al-Qard al-Hasan, Koperasi Ko-Hilal.**

Skim *al-Qard al-Hasan* KOHILAL (1986 - 1994):



Sumber: Laporan Tahunan KOHILAL (1986 - 1994)

Koperasi Kohilal Bhd. berjaya mencatatkan peningkatan aktiviti dalam skim *al-Qard al-Hasan* seperti dalam carta di atas. Perbezaan yang sangat ketara ialah pada tahun 1990 yang merekodkan jumlah pinjaman *al-Qard al-Hasan* sebanyak RM162,620.00, berbanding dengan tahun sebelumnya 1989 yang berjumlah RM24,664.00, iaitu naik sebanyak RM137,956.00 (84.8%).

Begitu juga pada tahun 1993, pinjaman *al-Qard al-Hasan* telah dikeluarkan sebanyak RM403,170.00, berbanding dengan tahun sebelumnya yang hanya berjumlah RM279,130.00, iaitu naik sebanyak RM124,040.00 (69.23%). Pemberian jumlah *al-Qard al-Hasan* yang bertambah pada tahun 1990 dan 1993 itu

adalah disebabkan kesan ekonomi negara yang baru sahaja menghadapi inflasi yang mendorong ahli-ahli banyak meminjam kepada koperasi. Faktor lain ialah disebabkan oleh kenaikan harga barang, sedangkan ekonomi negara baru pulih. Selain dari itu, koperasi sendiri mula mempunyai kemampuan disebabkan bertambahnya caruman ahli disamping aktiviti perniagaan yang mendapat sambutan baik dari ahli-ahlinya.

Adapun skim *al-Qard al-Hasan* yang ditawarkan oleh Koperasi Muslimin, untuk menyelesaikan kesempitan ahli-ahlinya, skim tersebut juga dikeluarkan untuk pinjaman pendidikan anak-anak ahlinya menyambung pelajaran ke peringkat menengah atau ke peringkat universiti. Berikut ini statistik yang telah dikeluarkan oleh Koperasi Muslimin seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut ini:

Skim *al-Qard al-Hasan* Koperasi Muslimin ('89-'93)

Tahun	Bilangan	Jumlah Pinjaman
1989	236 orang	RM204,900.00
1990	226 orang	RM181,770.70
1991	194 orang	RM151,995.00
1992	185 orang	RM139,606.00
1993	184 orang	RM163,532.04
5 tahun	1,025 orang	RM841,803.74

Sumber: Laporan Kewangan Koperasi Muslimin 1990 - 1994

Pada umumnya, Koperasi Muslimin telah menggambarkan kemampuan dalam memberikan pinjaman kepada ahli-ahlinya, walaupun jumlah pinjaman di bawah skim *al-Qard al-Hasan* yang dikeluarkan itu tidaklah begitu besar, tetapi jumlah tersebut adalah dikira besar bila dibandingkan dengan koperasi-koperasi lain selain dari Kohilal, jumlah perbezaan pinjaman berkurangan setahun demi setahun, sesuai dengan kedudukan ahli-ahlinya yang semuanya adalah dari kakitangan kerajaan atau swasta yang mempunyai pendapatan tetap. Maka kerana itu, apabila ahli-ahlinya ramai meminjam di peringkat awal, tentulah tahun-tahun berikutnya jumlah ahli yang meminjam akan berkurangan, sedangkan ahli Koperasi Muslimin bertambah sedikit sahaja.

Pinjaman skim *al-Qard al-Hasan* diberikan adalah disebabkan pertamanya; Kerana ahli-ahli koperasi memang tidak mampu untuk menyara pendidikan anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi, faktor ini lebih besar dari faktor-faktor lain. Sebab kedua mereka memohon skim *al-Qard al-Hasan* ini ialah; Kerana ramai di kalangan ahli yang sering menghadapi desakan dan masalah yang kadang-kadang melanda hidup mereka dengan tidak disangka-sangka, seperti kemalangan, kematian, kesakitan yang memerlukan kos rawatan. Semuanya itu berlaku kerana sumber pendapatan mereka tidak seimbang dengan desakan hidup yang sangat menghimpit mereka, sehingga tidak ada jalan lain melainkan mereka terpaksa berhutang.⁹⁷

⁹⁷ Temubual dengan Pengurus KOHILAL, pada: 4/7/95 dan Naib Pengurus 1, Koperasi Muslimin, pada: 5/7/95, di Pejabat Koperasi masing-masing,

11. JENIS-JENIS AL-QARD AL-HASAN.

Meninjau skim al-Qard al-Hasan yang berjalan di institusi kewangan seperti bank SPTE, syarikat pinjaman kewangan (finance) seperti Abarar Finance Berhad dan koperasi-koperasi Islam. Maka skim al-Qard al-Hasan ada beberapa jenis, berdasarkan barang komoditi yang dipinjamkan, mahupun berdasarkan bentuk kecemasan dan jaminan:

11.1. Dari Sudut Barang Pinjaman:

Dari sudut barang-barang pinjaman, al-Qard al-Hasan terbahagi kepada tiga jenis:

11.1(1) Pinjaman Wang:

Wang, apapun jenisnya dan dari negara manapun datangnya boleh dijadikan komoditi barang pinjaman di kalangan penduduk-penduduknya yang menerima pakai nilai wang mereka. Baik wang yang dibuat dari emas, perak, timah, tembaga, besi, gangsa dan kertas. Semua jenis wang yang tersebut itu mestilah sama dengan nilai emas.⁹⁸

Wang adalah menjadi alat perantaraan untuk mengetahui nilai harga sesuatu barang. Masa kini, wang memainkan peranan untuk menjadi alat bagi menilai segala barang keperluan manusia, bahkan wang juga menjadi alat bagi menilai kos tenaga yang telah diusahakan oleh manusia yang dikenali sebagai service charge, management cost atau manpower expenditure. Dengan wang segala keperluan

^{98.} Ibn 'Abidin, op.cit, jld.5, hal.162

manusia baik barang atau perkhidmatan boleh diperolehi, maka kerana itu wang boleh dijadikan sebagai barang pinjaman.

11.1(2) Pinjaman Barang-barang yang disukat atau ditimbang:

Semua jenis barang yang dinilai dengan cara menyukat, menimbang, mengukur atau membilang, jika hendak dipinjamkan kepada orang lain, maka barang-barang tersebut mestilah barang yang boleh diserah milik terus kepada peminjam. Pinjaman barang seperti itu hampir tidak terdapat lagi sekarang ini di Malaysia. Keadaan telah berubah, manusia menggunakan wang untuk pertukaran urusniaga barang, maka pinjaman juga berubah dari pinjaman barang-barang komoditi kepada pinjaman wang.⁹⁹

11.1(3) Pinjaman Batu Permata:

Ulama-ulama fiqh mempunyai dua pendapat tentang pinjaman barang-barang komoditi daripada batu permata:

Pendapat Pertama: Harus.

Pendapat pertama mengharuskan pinjaman barang-barang permata, kerana sebagai peminjam mereka mestilah memulangkan batu permata yang dipinjam itu, atau yang sama dengan yang dipinjamnya. Jika sekiranya batu yang dipinjamnya itu sendiri yang hendak dipulangkan, maka batu itu tidak boleh dialih-alihkan. Walaupun susah untuk memulangkannya semula sama seperti bentuk asalnya atau

^{99.} Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hal.337.; al-Ramīlī, Op.cit., jld.4, hal.268.; Mālik, op.cit., jld.9,hal.27; Ibn Taimiyyah, op.cit., jld.4, hal.477.; Ibn Ḥāfiẓ Abīdīn, op.cit., jld.5, hal.163.

batu permata yang lain yang sama dengannya. Namun mereka berpendapat batu permata masih tetap harus dijadikan sebagai barang pinjaman.¹⁰⁰

Pendapat Kedua: Tidak Harus.

Mereka tidak mengharuskan pinjaman barang-barang permata, alasannya kerana peminjam mestilah (wajib) memulangkan batu permata yang sama dengan batu permata yang dipinjamnya. Tentu sahaja tidak ada batu permata yang sama. Jika sekiranya batu permata yang dipinjamnya itu sendiri yang hendak dipulangkan, maka batu itu tidak boleh dialih-alihkan, kerana itu orang tidak berhajat sangat kepada batu permata, sekalipun ianya barang berharga, kerana susah untuk mengembalikannya sama seperti bentuk asalnya, atau batu permata lain yang sama dengannya. Maka kerana itu mereka berpendapat batu permata atau batu berlian tidak harus menjadi barang pinjaman.¹⁰¹

Di Malaysia:

Bank Rakyat dan Sistem Gadaian Islam (al-Rahn) Kelantan, tidak menerima barang berharga dari batu permata untuk dijadikan barang gadaian, kerana nilai batu permata tidak mempunyai jaminan nilai harga yang statik di peringkat antara bangsa. Tetapi Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) sedia menerima batu berlian menjadi barang gadaian di tempatnya.¹⁰²

^{100.} Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hal.238.

^{101.} Ibid.

^{102.} Temubual dan soal selidik dengan Pengurus Sistem Gadaian Islam (Al-Rahn) Kelantan, Tuan Hj. Abd. Adzis Md. Shariff, di Kota Bharu, pada 12hb. Jun, 1995.; dan dengan Penolong Pengurus MGIT di Kuala Terengganu, pada 9hb. Jun, 1995.

11.2. Dari Sudut Jaminan:

Al-Qard al-Hasan dilihat dari sudut mengenakan syarat jaminan, maka pinjaman *al-Qard al-Hasan* terbahagi kepada tiga jenis, iaitu pinjaman dalam keadaan kecemasan, pinjaman yang bersyarat dengan jaminan dan pinjaman tanpa syarat jaminan.¹⁰³

11.2(1) *Al-Qard Al-Hasan* Kerana Kecemasan:

Iaitu pinjaman *al-Qard al-Hasan* yang dibuat kerana kecemasan yang memerlukan kepada pinjaman segera untuk perbelanjaan kecemasan tersebut, pinjaman seperti ini dimohon oleh mereka yang sedang menghadapi kecemasan kerana kematian isteri, anak atau keluarga, kecemasan kerana berlaku kemalangan yang menimpa diri, isteri, anak-anak atau keluarga, atau kos rawatan yang terpaksa mereka belanjakan kerana sakit, atau kehabisan wang perbelanjaan harian untuk makan, minum mereka, atau beberapa keperluan rumah tangga mereka yang sangat penting dan terdesak.

Pinjaman dalam bentuk ini kebanyakannya dihadkan tidak melebihi RM500.00 sahaja, kerana ia hanya melibatkan jumlah yang kecil yang boleh dikeluarkan secepat mungkin pada masa itu juga, atau dalam satu hari sahaja, bergantung kepada keadaan kewangan yang ada pada institusi yang memberikan pinjaman atau kepada keadaan yang mendesak diri peminjam itu sendiri.¹⁰⁴

¹⁰³ Soalselidik Koperasi Muslimin, Koperasi Belia Islam (KBI) dan KOHILAL.

¹⁰⁴ Kertas Soalselidik Koperasi Al-Hilal (M) Berhad.(KOHILAL).

Pinjaman tersebut sudah tentu tidak memerlukan kepada penjamin dan saksi. Bentuk pinjaman seperti itu banyak dilaksanakan oleh kopersai-koperasi seperti Koperasi Muslimin, Koperasi Belia Islam dan KOHILAL yang diberikan kepada ahli-ahlinya. Skim pinjaman tersebut banyak membantu mereka dan dapat mengelakkan ahli-ahlinya daripada bergadai dengan cara riba, kerana biasanya apabila mereka menghadapi kesulitan seperti itu, maka pajak gadai ribalah tempat mereka meminjam wang dengan menggadai perhiasan emas yang ada pada mereka.

11.2(2) *Al-Qard al-Hasan* Dengan Jaminan:

Al-Qard al-Hasan dengan jaminan ialah suatu bentuk pinjaman yang diberi kepada peminjam dengan syarat mengadakan seorang atau dua tiga orang penjamin. Peminjam biasanya disyaratkan berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak melebihi 55 tahun apabila tempuh pinjaman itu tamat, selain dari itu peminjam dikehendakki mestilah sihat tubuh badan dan berfikiran waras. Syarat-syarat tersebut menjadi pengamatan penting oleh pihak bank, institusi kewangan dan koperasi Islam.¹⁰⁵

Jumlah pinjaman yang dimohon melalui skim *al-Qard al-Hasan* ini tidak melebihi dari Ringgit Malaysia 5 ribu sahaja, atau tidak melebihi jumlah enam bulan gaji peminjam atau mana-mana yang kurang. Ada juga yang menghadkan tidak melebihi dari Ringgit Malaysia 2 ribu sahaja. Tetapi kebanyakannya dari koperasi-koperasi Islam seperti Kohilal. Selain dari itu ada bank yang meletakkan jumlah pinjaman maksimumnya hingga ke Ringgit Malaysia 25 ribu atau 10 kali gaji bulanan pemohon atau mana-mana yang kurang.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Soalselidik bank (SPTF), Abrar Finance, KOHILAL dan Koperasi Muslimin

¹⁰⁶ Ibid.

Walaubagaimanapun, tempoh bayaran didapati selaras, iaitu tidak lebih dari 5 tahun, tertakluk kepada jumlah dan kemampuan bayaran balik pinjaman yang dimohon oleh peminjam. Bagi mereka yang berkhidmat dengan kerajaan, mereka boleh membayarnya melalui potongan Biro Perkhidmatan Angkasa, atau potongan gaji melalui majikan bagi mereka yang bekerja dengan pihak swasta.

Skim al-Qard dengan jaminan ini, menghendakki pemohon mengadakan seorang penjamin yang bergaji sama, atau lebih daripada gaji pemohon, iaitu mengikut budibicara bank, atau mengikut pertimbangan dan kepercayaan sesebuah institusi yang memberikan perkhidmatan pinjaman kepada pemohon di bawah skim tersebut. Maka Penjamin-penjamin bagi pihak peminjam mestilah menyedari tanggungjawabnya yang berat yang dipikulkan ke atasnya, penjamin bertanggungjawab membayar sepenuhnya jumlah pinjaman al-Qard yang telah diberikan kepada peminjam di bawah jaminanya. Tanggungjawab tersebut tidak melanggar hukum Shara^e, sama seperti jaminan dengan barang, maka barang jaminan itu akan menjadi ganti ke atas pinjaman yang gagal dibayar oleh peminjam.

11.2(3) Al-Qard Al-Hasan Tanpa Jaminan:

Skim al-Qard al-Hasan tanpa jaminan ialah skim pinjaman yang diberikan kepada pemohon yang menjadi ahli kepada koperasi atau kepada sesebuah bank atau finance, peminjam mempunyai sejumlah saham tertentu di dalamnya yang membolehkannya untuk memohon pinjaman tanpa jaminan. Jumlah pinjaman yang dimohon tidak melebihi 80 peratus dari jumlah sahamnya. Maka kerana itu wang sahamnya menjadi jaminan ke atas pinjaman yang diambilnya, dan wang

sahamnya itu akan menjadi ganti untuk membayar pinjamannya apabila pinjaman itu gagal dibayar oleh peminjam.¹⁰⁷

Walaubagaimanapun, tempoh keahlian adalah menjadi syarat yang melayakkan seseorang ahli untuk memohon pinjamannya. Koperasi Muslimin Berhad menetapkan tidak kurang 24 bulan sebagai ahli, barulah seseorang itu layak memohon pinjaman. Koperasi Kohilal menetapkan hanya 12 bulan, sebagai ahli yang aktif, barulah seseorang ahli itu layak memohon pinjaman. Tetapi dalam keadaan tertentu ahli boleh juga merayu untuk memohon pertimbangan Lembaga Koperasi bagi meluluskan permohonan pinjaman ahli yang keahliannya tidak cukup syarat kelayakan. Selain dari itu ahli dikehendakki mestilah mempunyai pendapatan tetap dan tiada menanggung apa-apa hutang lain kepada institusi kewangan tempat ia memohon pinjaman, atau sebagai penjamin yang sedang menanggung pembiayaan yang gagal dibayar oleh orang yang dibawah jaminannya.

12. NILAI PINJAMAN AL-QARD AL-HASAN.

Skim al-Qard al-Hasan adalah semata-mata satu skim pinjaman kebajikan yang bertujuan untuk membantu seseorang yang sedang menghadapi kesusahan, susah kerana keperluan hidup yang tidak cukup, atau susah untuk membayar pinjaman yang sudah sampai tempohnya. Kerana itu tidak wajar dalam keadaan susah seperti itu pinjaman mereka dikenakan faedah (riba), kemudian dikenakan pula bayaran perkhidmatan sebagai kos pengurusan memproses pinjaman. Berikut

^{107.} Kertas Soalselidik SPTF bank, finance dan koperasi Islam.

ini akan disentuh secara lebih terperinci melalui dua bentuk nilai yang dinikmati oleh orang-orang yang memberi pinjaman tanpa riba seperti berikut:

12.1. Nilai Kebendaan (material):

Al-Qard al-Hasan adalah pinjaman yang baik untuk orang susah, kerana itu setiap jumlah yang dipinjamkan tidak boleh dikenakan faedah atau interest. Faedah atau interest ke atas pinjaman adalah riba yang diharamkan oleh Allah s.w.t.. Allah mengharamkan seseorang kaya yang kekenyangan, atas sebab kelaparan orang lain yang miskin dan faqir. Adalah sangat tidak wajar seseorang yang kaya raya, atas jalan memperhambakan orang-orang yang susah. Diberinya kepada mereka sedikit harta, tetapi kemudian diambilnya lebih dari yang diberinya. Kerana itu Islam menetapkan faedah riba itu sebagai perbuatan munkar yang sangat besar dosanya, Firman Allah s. w. t. maksudNya;

Orang-orang yang makan harta riba, tidaklah mereka dibangkitkan (di hari Qiamat nanti) melainkan seperti bangkitnya orang yang dirasuk oleh shaitan...¹⁰⁸

Suka mengambil faedah, terutama melalui pinjaman yang diberi kepada orang susah, merupakan sikap seseorang yang mementingkan kebendan duniawi, tanpa ada rasa belas kasihan ke atas orang-orang miskin yang menderita, susah, makan tidak sempurna, berpakaian lusuh, anak-anak ramai, rumah sempit, tenaga mereka diperah, darah mereka dihisap melalui bantuan pinjaman pembiutang dengan mengambil faedah, sebaliknya orang yang meminjam kurus kering membayar hutang dan faedah.

¹⁰⁸ Surah *al-Bayarah*, ayat 275.

Sikap pembiutang yang suka mengambil faedah melahirkan sifat tamak haloba. Walaupun Islam memang menggalakkan umatnya mencari rezki, tetapi rezki yang menjamin keharmunian hidup insan sejagat, tanpa menindas atau memakan harta orang lain dengan cara yang haram. Manusia di zaman jahiliah suka memakan harta orang lain melalui bunga riba yang tinggi. Maka jadilah masyarakat ibarat binatang; yang kuat menindas yang lemah, dan yang lemah sentiasa menjadi mangsa si kuat. Selagi masyarakat Islam di Malaysia tidak beralih kepada sistem ekonomi Islam dan Mu'amalat Islam, maka hidup mereka mencari makan tidak ada bezanya dengan haiwan seperti yang diamalkan oleh manusia di zaman jahiliah.

Amalan mengambil faedah merupakan saki baki sifat penjajah yang menguasai ekonomi sesebuah negara Islam. Sebahagian besar negara umat Islam berhutang kepada penjajah barat yang membuka pintu kepada mereka yang menghisapkekayaan umat Islam. Maka kerana itu amalan memakan riba merupakan kemunkaran yang dilarang Allah, bahkan merupakan jenayah politik yang masih menjajah manusia melalui sistem ekonomi konvensional.

Maka kerana itu skim al-Qard al-Hasan bukan hanya haram mengambil faedah, bunga atau interest, tetapi juga tidaklah wajar, walaupun tidak haram untuk mengenakan bayaran perkhidmatan (service charges), kerana skim ini benar-benar skim kebajikan, bersih dari segala bentuk dan rupa bayaran lebih dari yang dipinjam. Sekiranya kita melihat masyarakat kita di kampung, baik dahulu maupun sekarang, mereka masih kekal mengamalkan tradisi pinjam meminjam tanpa riba. Bila mereka meminjamkan wang atau barang, mereka tidak meminta bayaran balik lebih daripada yang mereka berikan, walaupun ada kos dan tenaga

yang terpaksa dikeluarkan, namun seberapa banyak barang atau wang yang dipinjamkan, maka sebanyak itulah juga jumlah yang dikembalikan.¹⁰⁹

Dengan pemerhatian ke atas pinjaman ikhlas, tanpa bayaran lebih yang tersebut dalam kes di atas itu, maka sangatlah berbeza dengan apa yang berlaku sekarang ini, di mana setiap pertolongan atau bantuan ada bayaran perkhidmatan, kononnya melibatkan urusan perkeranian, stem perjanjian pinjaman dan sebagainya?. Apakah perkhidmatan orang kampung tidak ada, atau tidak bernilai, sedangkan mereka juga mengeluarkan simpanan bank untuk dipinjamkan kepada orang lain, mereka juga setengahnya membuat surat peringatan hutang melalui penulis surat berlesen dan sebagainya. Apakah itu bukan perkhidmatan, mereka mengeluarkan kos untuk meminjamkan wang, tetapi mereka tidak menuntutnya sebagai perkhidmatan dari peminjam. Itulah nilai perkhidmatan yang tidak ternilai..

Sepatutnya pinjaman yang dibuat oleh orang miskin, bertujuan untuk meringankan kesusahan yang dihadapi, sekalipun besar hingga ke tahap maksimum yang ditetapkan oleh institusi tidak perlu dikenakan apa-apa bayaran. Kos bayaran perkhidmatan, wajar ditanggung sendiri oleh institusi kewangan itu yang mana boleh diambil dari sumber derma, atau bayaran ihsan yang diberi oleh peminjam-peminjam ketika mereka membayar pinjaman mereka, atau dari sumber keuntungan yang diperolehi dari urusniaga yang lain, atau satu peruntukan khas yang disediakan oleh institusi itu sendiri sebagai sumbangan kebajikannya kepada *al-Qard al-Hasan*.

109. Temubual dengan sebahagian Ketua-ketua Masyarakat/Kampung : Hj. Ibrahim Ahmad, BTHO, Cheras, Selangor, En. Md. Zain Kutah, Mantai, Negeri Sembilan, En. Pilus, Nyalas, Melaka dan Hj. Abd. Rahman Said, Bckoh, Johor untuk memenuhi kertas soalsclidik.

Jika sekiranya orang yang meminjam itu mempunyai gaji yang besar, , ataupun ahli perniagaan, ia hanya meminjam kerana terdesak untuk merawat sakitnya, bukan untuk membesarakan perniagaannya, atau menambahkan hartanya, tetapi kerana kecemasannya, seperti kematian atau kemalangan, sedangkan waktu itu wangnya tidak ada, atau gajinya belum diterima. Maka mereka seperti itu wajarlah diberikan pinjaman *al-Qard al-Hasan*, sekalipun bukan kerana miskin atau susah, tetapi kerana kecemasannya. Ia haruslah membayar sedikit wang perkhidmatan, kerana memandangkan ia sebenarnya orang yang senang, maka wajarlah ia membantu orang lain pula.

12.2. Nilai Maknawi (Spiritual):

12.2.1 *Ihsān* Pemutang:

Berasaskan kepada nama pinjaman ini ialah pinjaman "*al-Qard al-Hasan*" iaitu pinjaman yang baik, tidak mengenakan riba, faedah atau bunga yang tujuannya semata-mata untuk menolong dan membuat kebajikan kerana Allah. Maka bentuk pinjaman yang ditawarkan mestilah kerana Allah, tiada tuntutan upah, baik dalam bentuk material seperti wang ringgit, mahupun dalam bentuk tenaga seperti pertolongan dan perbuatan atas sebab pinjaman tersebut.

12.2.2. *Ihsān* Peminjam:

Peminjam dalam skim ini sangat-sangat digalakkan agar melebihkan bayaran ketika membayar hutangnya itu, sebagai pemberian ihsan, tanda syukur dan terimakasih di atas pertolongan yang telah diberikan kepadanya. *Ihsān* bukan

sahaja patut lahir dalam diri seseorang atau dari sebuah institusi pinjaman kewangan, tetapi juga mestilah dilahirkan dalam diri setiap orang peminjam. Kalau orang berbudi, kita mestilah berbahasa, kalau orang sanggup memberi, kita hendaklah pandai merasa, bukan sekadar merasa senang dengan pemberian sahaja, tetapi mestilah ada perasaan bagaimana seharusnya membala budi baik orang yang memberi pinjaman kepada kita.

12.2.3. Ganjaran Faedah Sebenar:

Faedah, upah dan balasan yang sebenar-benarnya ke atas pinjaman, hanyalah datang daripada Allah s.w.t.. Kebajikan yang sebenarnya ingin dicari oleh pemutang hanyalah balasan daripada Allah. Jadi biarlah pinjaman itu benar-benar bersih dari apa sahaja bentuk faedah, upah dan sebagainya, sesuai dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud;

Dan sesiapa yang meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya Allah akan melipat gandakan pahala baginya dengan lipat ganda yang banyak.¹¹⁰

12.2.4. Merebut Amalan Kebajikan:

Konsep memberikan pinjaman yang baik tanpa riba, dengan cara yang baik tanpa mengambil keuntungan faedah, bahkan tanpa mengambil bayaran perkhidmatan yang sedikit itu, adalah merupakan amalan kebajikan yang benar-benar ikhlas kerana Allah. Memberikan pinjaman tanpa bunga adalah amal kebajikan, tidak mengambil caj perkhidmatan juga adalah amal kebajikan, kedua-duanya patut direbut oleh pemutang-pemutang dengan penuh keikhlasan dan

¹¹⁰. Surah al-Baqarah, ayat 245.

dengan commitment yang tinggi, semata-mata mengharapkan pahala daripada Allah, bahkan ganjaran yang berlipat kali ganda banyaknya.

12.2.5. Ihsān Institusi Kewangan:

Syarikat-syarikat pinjaman kewangan Islam dan bank-bank SPTF yang menjalankan skim al-Qard al-Hasan yang mencari untung dalam urusniaga mereka, haruslah bersifat ihsān dan suka membuat amal kebajikan kepada orang-orang yang susah dan berhajat. Allah s.w.t. telah mengiktiraf bahawa jalan kebajikan yang mereka berikan itu tidak hanya sekadar melakukan kebajikan kepada orang-orang yang susah sahaja tetapi juga membuat kebajikan kepada Allah. Sesiapa yang membuat kebajikan kerana Allah, pasti Allah bukan sahaja memberikan pahalanya yang berlipat kali ganda, tetapi juga Allah akan menambahkan rezki dan keuntungan ke atas urusniaganya dengan tidak disangka-sangka, firman Allah s.w.t.;

وَمَن يَتْقَنَ اللَّهُ يَجْعَلُ لَهُ مُخْرِجًا . وَيُرْزَقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْسِبُ

MaksudNya:

Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, pasti Allah akan berikan jalan keluar dan akan mendatangkan rezkinya, sehingga tidak terkira banyaknya.¹¹¹

Koperasi Muslimin, Koperasi Belia Islam (KBI) dan KOHILAL, adalah antara koperasi Islam yang mampu memberikan perkhidmatan al-Qard al-Hasan kepada ahli-ahlinya, tanpa menjaskannya kedudukan kewangannya, ia terus hidup

¹¹¹ Surah al-Talaq, aya: 2 & 3.

dan berjalan dengan baik dan lebih maju melalui sokongan ahli-ahlinya, seperti koperasi Muslimin dan KOHILAL. Inilah dia yang disebut oleh Allah, bahawa Allah akan melimpah ruahkan rezkinya dengan tidak terkira banyaknya.¹¹²

Kalau koperasi-koperasi Islam yang kemampuannya sangat terbatas itu mampu memberikan perkhidmatan *al-Qard al-Hasan*, mengapa bank dan syarikat kewangan yang bersedia melaksanakan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), tidak bersedia melaksanakan produk pinjaman "*al-Qard al-Hasan*" iaitu satu-satunya produk yang sangat murni dan tinggi nilainya, bukan hanya pada manusia tetapi juga kepada Allah s.w.t..

12.2.6. Kes Pinjaman *Al-Qard Al-Hasan*:

Bank Islam (BIMB) sendiri sebagai bank Islam yang terulung di Malaysia, sebagai bank yang pertama di Malaysia berjaya memperkenalkan skim *al-Qard al-Hasan*, tetapi seolah-olah tidak begitu berminat untuk melaksanakannya di bank itu sendiri. BIMB dalam menawarkan skim *al-Qard al-Hasan*, pinjaman yang diberikan pernah tidak dibayar mengikut perjanjian yang dipersetujui. Satu kes nelayan yang diberikan pinjaman, untuk menaikkan taraf hidup nelayan, mereka dibelikan bot dan pukat untuk turun ke laut, diberikan wang pendahuluan untuk sara hidup selama sebulan, tetapi akhirnya bot dan pukat mereka jual tanpa mengembalikan sedikitpun wangnya kepada BIMB yang meminjamkan wang kepada mereka.¹¹³

¹¹² Pengakuan oleh Naib Pengurus 1, Koperasi Muslimin pada 5/7/95; dan Pengurus KOHILAL pada 4/7/95.

¹¹³. Kertas Soalslidik dengan BIMB dan temubual dengan En. Shaari, Pegawai BIMB, (Bhg. Latihan & Penyelidikan) pada 18/5/94

Sekarang *al-Qard al-Hasan* hanya ditawarkan kepada pelanggan, semata-mata mereka yang ingin menyelesaikan keperluan sementara, untuk dua atau tiga hari dan paling lama tidak sampai sebulan, jumlah maksimum yang dipinjamkan tidak melebihi RM5 ribu sahaja. Tetapi yang mendukacitakan, ramai pemohon skim *al-Qard al-Hasan* bersikap manja, kerana tanggungjawab bank hanya sekadar meminjamkan wang kepada mereka tanpa apa-apa faedah sedikitpun (*al-Qard al-Hasan*). Apabila bank mendapati mereka membelanjakan pinjaman dengan cara yang tidak betul, maka bank terpaksa menunjukkan kaedah membelanjakan wang dengan cara yang betul. Bahkan bank juga terpaksa menunjukkan bagaimana membangunkan perusahaan mereka dengan pengurusan yang betul dan baik, sedangkan perkara tersebut bukanlah kerja bank dan bukan menjadi tanggungjawab bank yang meminjamkan wang.

Perkhidmatan seperti yang tersebut itu, tentu sahaja melibatkan kerja-kerja yang tidak sepatutnya dibuat oleh bank, tidak sewajarnya bank memberikan pinjaman, maka bank juga kena tunjuk bagaimana cara membelanjakannya, kemudian bank juga kena ajar bagaimana cara membuka perusahaan. Dengan pengalaman kes yang tersebut itu, nampaknya BIMB pastilah akan menimbang semula, samada BIMB akan meneruskan skim *al-Qard al-Hasan* atau tidak. Pada umumnya BIMB dilihat tidak berminat dengan pengalaman buruk itu berlaku sekali lagi.

Dalam kes yang tersebut itu, pinjaman yang diberi sangatlah baik, tetapi kenapa orang yang diberikan pinjaman (*al-Qard al-Hasan*) bersifat tidak baik. Sedangkan Rasulullah s.a.w. memberikan pesanan dengan sabdaNya yang bermaksud;

Sesiapa yang berhutang kepada seseorang dengan suatu hutang, tetapi tidak terniat sedikitpun di hatinya untuk membayar, lalu mati ia, sedang hutang belum sempat dibayar, nescaya Allah s.w.t. akan menghukumnya.¹¹⁴

Masa ini, hanya Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB pusat) sahaja yang memberikan pinjaman *al-Qard al-Hasan*, iaitu kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).¹¹⁵ Bank-bank lain lebih berminat melaksanakan skim pembiayaan Bai^c Bithaman Ajil, skim pelaburan al-Mudarabah dan lain-lain lagi yang ada nilai keuntungan selain dari skim *al-Qard al-Hasan*, kerana skim *al-Qard al-Hasan* bukan sahaja tidak mendatangkan keuntungan yang nyata, bahkan akan mengurangkan lagi kedudukan kewangan bank.

Di sinilah letaknya keyakinan dan ketaqwaan yang sebenar, kepada kejayaan perlaksanaan sistem Mu^camalat Islam di Malaysia masa kini, kerana kejayaan pertama ialah bermula dengan kejayaan "meyakinkan kepercayaan" institusi kewangan dan pelanggan terhadap sistem Islam itu sendiri. Sekiranya umat Islam hanya meletakkan keyakinan kepada Mu^camalat Islam berdasarkan nilai kebendaan dan keuntungan material semata-mata, maka sebenarnya umat Islam belum boleh dianggap sebenar-benarnya berjaya melaksanakan sepenuhnya sistem Mu^camalat Islam. Harapan kita bukan hanya sekadar berjaya mengenengahkannya, yang penting bagaimana kita dapat meluaskannya sama dengan skim-skim yang lain.

^{114.} Muslim, *op.cit.*, jld.3, hal.1224., Hadith bilangan 119.

^{115.} Kertas Soalselidik dan temubual dengan En. Abdul Rashid Abd. Kadir, Ketua Jabatan Perbankan Mu^camalat, BBMB, KL, pada: 30/7/96

Masyarakat harus diberi keyakinan terhadap sistem kewangan yang halal dan berkat yang direndai oleh Allah s.w.t., pengusaha-pengusaha bank, syarikat kewangan dan koperasi harus meletakkan asas maknawi yang kukuh sebagai pemangkin kejayaan pelaksanaan sistem Mu'amalat Islam, tanpa kemurnian maknawi kejayaan kita samalah seperti kejayaan yang telah dinikmati oleh sekular barat, mereka berjaya, dunia dan Malaysia sendiri mengikut sistem ekonomi barat yang mengamalkan riba, tetapi kejayaannya menjadi aset kemungkaran terhadap Allah s.w.t., sistem ribanya menjadi sebesar-besar kemurkaan Allah dan RasulNya

Memberikan pinjaman *al-Qard al-Hasan* tanpa pulangan faedah kepada pemiutang, bukanlah suatu perbuatan yang mudah. Seseorang yang memiliki harta atau wang yang banyak, lalu diajak meminjamkan wangnya itu kepada orang lain sebagai pinjaman yang baik, bukan suatu perkara yang senang. Ada orang lebih suka wangnya yang banyak itu sentiasa tersimpan di dalam bank tanpa diusik-usik, atau lebih baik dilaburkan untuk mendatangkan keuntungan yang pasti berlipat kali ganda. Gaya hidup material masa kini, telah banyak mempengaruhi seseorang itu berfikir, sehingga lupa dan terus leka dibuai kesenangan, fikiran menjadi tumpul untuk melihat rahsia kelebihan meminjamkan hartanya di jalan Allah s.w.t..

12.3. Kelebihan Meminjamkan Harta:

Ada tiga rahsia kelebihan yang diperolehi oleh seseorang yang memberikan pinjaman *al-Qard al-Hasan*:

12.3.1. Kerana ia meminjamkan hartanya kepada Allah:

Orang yang sanggup memberikan pinjaman hartanya kepada seseorang yang sangat berhajat, sebenarnya ia telah memberikan pinjaman kepada Allah. Seseorang pemutang memang sedar bahawa dia tidak dapat apa-apa faedah material ke atas harta yang dipinjamkannya, bahkan ia juga sedar betapa tingginya resiko yang akan dihadapinya, sekiranya hartanya itu ditipu oleh peminjam, atau tidak dapat dibayar oleh peminjam, atau peminjam mati, atau jatuh faqir dan bankraf. Allah s.w.t. sendiri menjelaskan, bahawa sikap melupuskan hutang oleh pemutang kepada peminjam yang tidak dapat membayar hutangnya kerana terlalu miskin itu adalah satu sikap yang lebih baik, seperti firmanNya yang bermaksud;

Dan jika adalah peminjam itu susah, maka tunggulah hingga ia senang, tetapi jika kamu sedekahkan sahaja, adalah lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahui ¹¹⁶

Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya;

Barangsiaapa yang mengharapkan untuk selamat daripada kesakitan dan penderitaan di hari Qiamat, hendaklah ia menghilangkan kesukaran peminjam yang milarat, atau meringankan tuntutan terhadap hutangnya. ¹¹⁷

Tetapi kerana tujuannya hendak membuat kebajikan, membantu orang yang susah dan sangat berhajat, niatnya benar-benar ikhlas kerana Allah dan yakin dengan rahmat dan keredaan Allah, maka kerana itu Allah menerima dan

¹¹⁶ . Surah *al-Baqarah*, ayat 280

¹¹⁷ . Muslim, op.cit., jld.1, hlm 475.

mengiktiraf sebagai amalan memberikan pinjaman kepada Allah, sebagaimana firmanNya yang bermaksud;

Siapakah yang meminjamkan pinjaman yang baik kepada Allah..¹¹⁸

12.3.2. Kelebihan kerana hartanya diberkati Allah:

Allah s.w.t. adalah Tuhan yang maha kaya, memiliki tujuh petala langit dan tujuh petala bumi, segala isi langit dan bumi semuanya milik Allah, termasuklah manusia dan rezeki yang diberikan kepadanya, tidak ada yang memberinya secara percuma melainkan hanya Allah s.w.t. sahaja. Maka jika sekiranya seorang hamba Allah itu sanggup meminjamkan hartanya kepada orang yang susah, miskin dan sangat berhajat yang resikonya tinggi, sedangkan tidak ada apa-apa faedah yang diperolehnya, pastilah Allah s.w.t. lebih berupaya memberikan balasanNya dengan yang lebih baik.

Mereka yang sanggup meminjamkan hartanya tanpa faedah, bukan hanya sekadar mampu menundukkan nafsu kebendaan yang ada pada dirinya sahaja, tetapi juga dapat membina keyakinan aqidahnya kepada Allah s.w.t., bahawa hakikat yang sebenarnya yang memberikankekayaan, keuntungan dan kesenangan kepadanya itu, bukanlah wang ringgit atau harta benda dunia, tetapi sebenar hanyalah Allah s.w.t. yang maha kaya lagi maha berkuasa.

Walaubagaimanapun, mereka yang sanggup berkurban dengan memberikan pinjaman kepada orang yang berhajat, Allah tidak akan melupakan hidupnya di

^{118.} Surah *al-Hadīd*, ayat 11.

dunia, Allah akan memberkati harta yang masih ada pada dirinya, tanpa dapat dilihat dengan mata kepala, atau tanpa disedari rezekinya akan ditambah oleh Allah s.w.t., urusniaganya yang dijalankan bertambah maju, wangnya bertambah berkat, tidak membazir, tidak lesap dengan penipuan dan hilang dengan bencana alam atau mengalami kerugian. Sekalipun mereka memiliki harta kekayaan, tetapi mereka tidak lupakan Allah dalam perniagaan mereka, tidak meninggalkan sembahyang, tidak lupa membayar zakat hartanya, maka Allah berfirman yang maksudNya;

Sesungguhnya Allah akan memberikan balasan kepada mereka dengan balasan yang lebih baik dari apa yang telah mereka berikan, dan sesungguhnya Allah s.w.t. akan menambahkan kurniaNya kepada mereka, dan Allah akan memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya dengan tidak terkira.¹¹⁹

12.3.3 Kerana pahalanya digandakan Allah:

Allah sudah menjanjikan bahawa orang yang sanggup meminjamkan hartanya kepada Allah, Allah akan memberikan ganjaran pahalanya yang berlipat kali ganda banyaknya di hari akhirat nanti. Bahkan perbuatan memberi pinjaman dengan pinjaman yang baik kerana Allah itu, boleh menghapuskan dosa-dosa yang telah dilakukannya dengan keampunan dari Allah s.w.t., firman Allah yang maksudNya;

*Jika kamu meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya Allah akan melipat gandakan ganjaran pahalanya kepada kamu dan Allah akan mengampunkan dosa-dosa yang telah kamu lakukan.*¹²⁰

¹¹⁹ Surah *al-Nur*, ayat 38

¹²⁰ Surah *al-Taghabun*, ayat 17.

13. CADANGAN DAN KESIMPULAN.

13.1. Menubuhkan Institusi al-Qard al-Hasan:

Umat Islam tidak pernah berhenti dan tidak akan berhenti dari menghadapi masalah kewangan, selagi mereka memerlukan makanan, minuman, pakian, tempat tinggal, pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi, selama itulah mereka akan menemui masalah kewangan. Biarpun umat Islam semakin ramai yang senang, kaya dan berharta, setengahnya ada yang sudah menjadi jutawan, namun umat Islam masih ramai lagi yang miskin, susah dan kesempitan hidup, lebih ketara lagi apabila mereka ditimpa kemalangan dan kecemasan. Maka sebuah badan perlu ditubuhkan untuk membangun sebuah bank al-Qard al-Hasan atau yang seumpamanya, bank tersebut bertanggungjawab mengumpul dana al-Qard dan berperanan mengendalikan urusan al-Qard al-Hasan dengan cara yang lebih professional dan effektif.

13.2. Sumber Dana Bank al-Qard al-Hasan:

Sumber-sumber dana boleh diperolehi dari wang-wang umat Islam yang memang bertujuan untuk memberikan amal kabajikan melalui pinjaman, sementara mereka belum menggunakan wang tersebut atau belum memerlukan wang tersebut, wang tersebut boleh disalurkan ke sebuah bank al-Qard yang dapat membantu seseorang yang sedang menghadapi kesusahan. Bank tersebut juga bertanggungjawab menyelaras bentuk skim al-Qard yang dilaksanakan oleh bank-bank lain, dan bank al-Qard diberi kuasa atau kebenaran untuk mengumpul dana dari bank lain melalui kerjasama sesama bank, atau menggunakan wang-wang simpanan di bank-bank lain bagi menjalankan aktiviti al-Qard.

13.3. Mendidik Kesedaran al-Qard al-Hasan Kepada

Masyarakat:

Tentu sahaja suatu pendedahan pendidikan yang mencetuskan rasa kesedaran dan tanggungjawab, mestilah diusahakan secara meluas dan bersepodu. Kejayaan hanya akan tercapai melalui kesedaran semua umat Islam, kementerian-kementerian yang terlibat seperti Kementerian pendidikan, Kementerian Kewangan, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Penerangan, ahli-ahli politik, Majlis-majlis Agama, kumpulan-kumpulan dakwah dan lain-lain untuk sama-sama membangun, membantu dan menjayakan usaha kebajikan yang murni melalui Bank al-Qard al-Hasan yang sangat disuruh oleh Allah s.w.t. itu.

Samada kerajaan, atau bank sesama bank, wajar menyahut seruan Allah ini, bagi meningkatkan kepelbagaian sumber keuntungan yang tidak terkira seperti yang Allah janjikan, memang pada zahirnya ia merupakan sumbangan semata-mata, tidak ada perkiraan untung material, tetapi pada hakikatnya ia merupakan perniagaan akhirat yang memberi keberkatan hidup, serta kemurahan rezki di dunia dan membawa keuntungan pahala di hari kemudian nanti.

Apabila Bank al-Qard ini beroperasi dengan baik, dikendalikan oleh pihak Kerajaan atau bank. Sumber dana terkumpul daripada individu, bank-bank, Baitulmal, bon kerajaan, harta-harta terbiar, sumbangan-sumbangan hartawan atau institusi kewangan Islam dalam dan luar negara. Maka pemodal atau pemutang akan mempunyai keyakinan yang tinggi ke atas wang yang dipinjamkannya untuk dikembalikan dengan sempurna.

13.4. Pengurusan al-Qard al-Hasan:

Dengan sistem pengurusan Bank al-Qard al-Hasan yang canggih, cekap dan berkesan, maka peminjam-peminjam akan merasa lebih bertanggungjawab untuk membayar pinjamannya dengan cepat, tepat dalam tempoh masanya. Usaha mendidik masyarakat peminjam hendaklah dijalankan oleh bank al-Qard tersebut dengan cara yang lebih bersistematik dan berkesan. Kalau Jabatan Hasil Dalam Negeri berjaya mendidik sebahagian besar masyarakat supaya bertanggungjawab untuk membayar cukai yang melibatkan wang atau kekayaan yang mereka perolehi, kenapa tidak peminjam yang menggunakan wang atau harta pertolongan orang lain merasa terpanggil untuk memulangkan semula wang itu apabila sampai tempohnya.

Wang itu dipinjamkan percuma tanpa faedah bunga, pembiutang tidak dapat menggunakan wangnya selama wangnya itu dipinjamkan, pembiutang mungkin terlepas peluang untuk menggunakan wangnya itu dalam urusniaga yang menguntungkan. Sebaliknya peminjam mendapat pertolongan yang besar dengan pinjaman tersebut, peminjam dapat menyelesaikan masalah mendadak yang dihadapinya. Tanpa pinjaman tersebut, peminjam akan merasa hampa, kecewa dan mungkin menderita dengan kemalangan yang ditimpa. Tetapi dengan pinjaman tersebut, peminjam seolah-olah dapat menyambung hidupnya semula, hidupnya terbelia, hidupnya tidak terus dirundung malang, kerana masih ada orang yang simpati untuk membantunya. Bukankah semuanya itu kerja Allah yang maha kuasa, yang menggerakkan hati-hati orang yang berada, untuk membantu orang-orang yang berhajat atau ditimpa kesusahan hidup. Tidakkah peminjam atau penghutang merasa bersyukur, lantas bertanggungjawab untuk membayar hutangnya, tidakkah peminjam itu menerima segala apa yang berlaku dalam

hidupnya, susah, sakit, miskin dan mati sebagai ujian Allah ke atas dirinya. Allah berfirman yang bermaksud;

*Bersabarlah di atas perkara yang telah menimpa kamu,
sesungguhnya yang demikian itu termasuk perkara-perkara yang diwajibkan Allah.¹²¹*

Firmanya lagi, bermaksud;

Jika kamu bersyukur, nescaya Allah akan menambahkan lagi rezeki kamu.¹²²

Dengan adanya pengurusan al-Qard al-Hasan yang baik, bukan sahaja pemutang membuat kerja-kerja kebaikan, tetapi juga peminjam hendaklah menjadi peminjam yang baik, sanggup memberi kebaikan kepada pemutang setelah ia menyelesaikan pinjamannya. Bukan hanya melebihkan bayaran itu sahaja disebut sebagai al-Hasan (kebaikan), tetapi berubah menjadi orang yang bersyukur, bertaqwa dan tidak sompong, rajin bekerja, suka menderma dan berzakat. Alangkah gembiranya hati seorang pemutang itu jika dapat menolong peminjam-peminjam yang mempunyai syaksiah yang baik, pastinya ia akan menjadi aset kedamaian dalam hidup bermasyarakat yang sangat diperlukan oleh negara.

13.5. Cadangan:

Al-Qard al-Hasan merupakan amalan kebajikan yang sangat disanjung oleh Allah s.w.t.. Semua syarikat dan institusi kewangan, samada bank (SPTF), institusi kewangan (Islam), koperasi Islam, kerajaan atau korporat, hendaklah memikirkan

¹²¹. Surah Lugmān, ayat 17.

¹²². Surah Ibrāhīm, ayat 7.

secara serius bagi menubuhkan skim tersebut secara menyeluruh. Kerana ianya suatu usaha yang sangat penting untuk menghapuskan kemiskinan rakyat.

Segala kos dan upah perkhidmatan pinjaman tidak perlu diadakan, sesuai dengan tujuan untuk memberikan bantuan yang seikhlas-ikhlasnya kerana Allah s.w.t.. Kerenah birokrasi yang membebankan tanpa keperluan yang wajar patutlah dihapuskan sesuai dengan tujuan kebajikan. Perasaan bimbang dengan pinjaman yang tidak dibayar patutlah dikikis, sebaliknya perasaan mestilah diisi dengan rasa *tabarru*^c (التَّبَرُّعُ) yang tinggi serta mengharap keredaan Allah, di samping meningkatkan sistem pengurusan, agar peminjam rasa bertanggungjawab untuk membayar. Pemutang harus sedia menghadapi risiko dengan penuh pengorbanan, serta menyedari hakikat murni di sebalik Allah menShari'atkan hukum *al-Qard al-Hasan* yang penuh keberkatan.